



MB Kelantan seru wanita perkasa ilmu, bina generasi dan dukung perjuangan Islam

Buletin

بوليتين دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | SAFAR 1448H | 02-06 OGOS 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Rang undang-undang kesalahan syariah baharu tampil dengan pembaharuan berteraskan maqasid syariah

Manfaatkan peluang belajar di luar negara untuk bangunkan negeri - Exco Pengajian Tinggi

Pelaburan sektor hospitaliti terus rancakkan pembangunan pelancongan Kelantan

Tengku Mahkota Kelantan zahir sokongan pembangunan landskap lestari Kota Bharu

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos – Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Almarhum Sultan Ismail Petra berkenan menceмар duli berangkat mengadakan lawatan ke beberapa tapak Projek Landskap Perbandaran Kota Bharu sebagai tanda sokongan terhadap usaha memperkasa pembangunan landskap bandar yang lestari, kondusif dan berkualiti demi kesejahteraan rakyat.

Menurut kenyataan yang dimuat naik di laman rasmi Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), lawatan pada 30 Julai itu bertujuan meninjau pelaksanaan serta kemajuan projek pembangunan landskap yang sedang dilaksanakan di pusat bandar dan dijangka siap pada awal tahun hadapan.

Turut mengiringi lawatan ialah Yang Dipertua MPKB-BRI Dato'



Zulkifle Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN) Dr. Mazifah Simis, Setiausaha MPKB-BRI Nik Fazul Fazlee Nik Othman, pegawai-pegawai MPKB-BRI, pegawai Jabatan Landskap Negara, wakil perunding serta pihak kontraktor.

Sepanjang lawatan tersebut, Tengku Mahkota Kelantan berkenan mendengar taklimat ringkas mengenai perkembangan projek termasuk perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja naik taraf landskap

yang sedang dijalankan.

“Antara lokasi yang dilawati ialah Dataran Kota Sultan Ismail Petra, Padang Merdeka, Bulatan Medan Tuan Padang, laluan pejalan kaki di Jalan Temenggong serta beberapa lorong belakang di sekitar pusat bandar yang terlibat dengan projek pengindahan” kata kenyataan tersebut di laman rasmi pada 31 Julai.

MPKB-BRI memaklumkan, lawatan berkenaan mencerminkan keprihatinan dan sokongan

“

Antara lokasi yang dilawati ialah Dataran Kota Sultan Ismail Petra, Padang Merdeka, Bulatan Medan Tuan Padang, laluan pejalan kaki di Jalan Temenggong serta beberapa lorong belakang di sekitar pusat bandar yang terlibat dengan projek pengindahan,”

berterusan YTM Tengku Mahkota Kelantan terhadap usaha memperkukuh pembangunan landskap bandar bagi mewujudkan persekitaran yang lebih selesa, bersih dan berdaya huni.

Menurut kenyataan itu lagi, pelaksanaan projek berkenaan turut bertujuan meningkatkan imej Kota Bharu sebagai sebuah Bandar Raya Islam yang indah, tersusun dan mampu memberikan nilai tambah kepada kesejahteraan masyarakat serta sektor pelancongan.



MB Kelantan seru wanita perkasa ilmu, bina generasi dan dukung perjuangan Islam

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 6 Ogos — Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyeru para wanita, khususnya wanita Kelantan supaya terus memperkasa diri dengan ilmu, membina generasi berakhlak, peka terhadap perubahan sosial serta istiqamah mendukung perjuangan Islam sebagai teras melahirkan masyarakat yang sejahtera.

Beliau menyampaikan empat amanat tersebut sempena Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2026 yang berlangsung di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Mengawali amanatnya, beliau memetik sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “nasihatilah para wanita dengan kebaikan.” (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Beliau turut mengimbau kata-kata tokoh pemikir Islam Allahyarham Pak Hamka, “perempuan ibarat lautan. Kalau kamu tidak kuat merenangnya, maka kamu akan ditelannya.”

Mengulas amanat pertama, beliau menyeru wanita agar sentiasa menuntut ilmu kerana Islam meletakkan ilmu sebagai asas pembentukan peribadi dan tamadun.

Menurut Dato' Mohd Nassuruddin, dalam era yang berkembang pesat, wanita bukan sahaja perlu menguasai ilmu agama, malah melengkapi diri dengan ilmu semasa, kemahiran digital, pengurusan kewangan serta pelbagai bidang lain yang mampu meningkatkan keupayaan diri.

“Dengan ilmu, kita akan menjadi lebih yakin, lebih matang dan lebih bersedia untuk menyumbang



kepada keluarga, masyarakat serta negara,” katanya.

Berkaitan amanat kedua, beliau menegaskan bahawa wanita memainkan peranan penting dalam membina generasi kerana rumah merupakan madrasah pertama manakala ibu ialah guru pertama kepada setiap insan.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan, cabaran membesarkan anak pada masa kini jauh lebih kompleks berbanding generasi terdahulu berikutan pengaruh media sosial, kecerdasan buatan (AI) serta ledakan maklumat tanpa sempadan.

“Anak-anak pula hidup dalam era media sosial, kecerdasan buatan (AI), ledakan maklumat dan pelbagai pengaruh tanpa sempadan dan kawalan. Oleh itu, kasih sayang sahaja tidak lagi mencukupi jika tidak disertai dengan bimbingan, pemantauan dan pendidikan yang berterusan.

“Amanah besar ini perlu digalas bersama dan perlu memberikan masa secukupnya dalam mencorakkan masa depan anak-anak. Generasi yang soleh tidak lahir secara kebetulan, tetapi lahir daripada didikan yang penuh hikmah, kasih

sayang dan keteladanan,” tegasnya.

Menyentuh amanat ketiga, beliau mengingatkan wanita supaya lebih peka terhadap perubahan sosial kerana cabaran terbesar anak-anak hari ini bukan sahaja berada di luar rumah, malah di hujung jari menerusi penggunaan telefon pintar.

Beliau mengingatkan, wanita perlu mengetahui persekitaran sosial anak-anak termasuk rakan, corak penggunaan media sosial, bentuk hiburan yang diikuti serta nilai yang mempengaruhi pemikiran mereka agar dapat membimbing mereka ke arah yang lebih baik.

Dalam amanat keempat, beliau menyeru wanita agar terus memainkan peranan dalam perjuangan Islam melalui dakwah, pendidikan, kebajikan, kesukarelawanan dan pembangunan masyarakat dengan menjadikan Sayyidatina Khadijah Radhiyallahu ‘Anha sebagai contoh teladan.

“Beliau menjadi tempat Rasulullah SAW mengadu, menjadi penenang ketika Baginda berdepan ujian, menjadi penyokong ketika

“

Dengan ilmu, kita akan menjadi lebih yakin, lebih matang dan lebih bersedia untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat serta negara,”

manusia lain menolak dan menjadi penyumbang ketika dakwah memerlukan pengorbanan.

“Justeru, saya menyeru agar wanita hari ini terus memainkan peranan dalam kerja-kerja dakwah, pendidikan, kebajikan, kesukarelawanan dan pembangunan masyarakat mengikut kemampuan masing-masing.

“Setidak-tidaknya, mainkan peranan untuk membawa ahli keluarga menyokong dan mendokong perjuangan Islam. Jika dilihat kepada analisis pengundi di negeri Kelantan, wanita merangkumi 51 peratus daripada keseluruhan hampir 1.5 juta pengundi. Angka ini memberi gambaran tugas besar kepada kita untuk memberikan kefahaman agar masyarakat terus memberikan sokongan kepada perjuangan Islam,” ujarnya.

Beliau yakin terhadap peranan wanita sebagai pendidik, pembimbing dan pembina masyarakat signifikan dalam melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak serta berdaya tahan bagi menghadapi cabaran semasa, sekali gus menyumbang kepada pembangunan negeri dan ummah.



Rang undang-undang kesalahan syariah baharu tampil dengan pembaharuan berteraskan maqasid syariah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 5 Ogos — Kerajaan Negeri Kelantan akan membentangkan Rang Undang-Undang Kesalahan Syariah (Kelantan) 2026 yang menampilkan pembaharuan menyeluruh dalam perundangan syariah negeri menerusi pendekatan penggubalan berasaskan prinsip pith and substance serta penyusunan kesalahan mengikut kerangka Maqasid Syariah.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, rang undang-undang baharu itu mengandungi sembilan bahagian, 62 seksyen dan satu jadual, selain memperkenalkan beberapa peruntukan baharu yang akan diperincikan semasa pembentangan pada Persidangan Kali Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Kelantan yang dijadual berlangsung dari 11 hingga 13 Ogos ini.

Menurutnya, penggubalan rang undang-undang tersebut memberi penekanan kepada kewajipan agama (taklifan) yang diperintahkan syarak sebagai inti pati setiap kesalahan, manakala penyusunan kesalahan pula dibuat berasaskan lima objektif utama Maqasid Syariah, iaitu pemeliharaan agama (hifz ad-din), nyawa (hifz an-nafs), akal (hifz al-'aql), harta (hifz al-mal) dan keturunan.

“Rang undang-undang ini turut mengandungi beberapa peruntukan baharu dan ciri-ciri pembaharuan yang diperkenalkan melalui proses penggubalannya.

“Butiran penuh mengenai rang undang-undang ini akan dijelaskan secara terperinci semasa pembentangan di Dewan Negeri kelak,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Kerajaan Negeri di Mabua Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau berkata, rang undang-undang tersebut digubal bagi menggantikan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019 Negeri Kelantan susulan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 9 Februari 2024 dalam kes Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid & Seorang Lagi lwn. Kerajaan Negeri Kelantan yang memutuskan 16 peruntukan enakmen berkenaan terbatal dan tidak

sah kerana berada di luar bidang kuasa Badan Perundangan Negeri.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri menubuhkan Jawatankuasa Pindaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah pada pertengahan 2024 bagi mengkaji semula bukan sahaja 16 peruntukan yang dibatalkan, malah keseluruhan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019.

Menurutnya, jawatankuasa tersebut dianggotai pakar perundangan sivil dan syariah, ahli akademik, pakar Perlembagaan serta pegawai Kehakiman Syariah yang mewakili pelbagai pihak berkepentingan bagi meneliti secara menyeluruh alasan penghakiman Mahkamah Persekutuan sebelum penggubalan dilaksanakan.

Jelasnya, penyediaan rang undang-undang itu turut melalui beberapa peringkat penelitian termasuk pembentangan kepada Jemaah Ulama Kelantan di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bagi mendapatkan penelitian dari sudut fatwa dan hukum syarak.

“Proses ini mengambil sedikit masa kerana setiap peruntukan diteliti secara menyeluruh bagi memastikan rang undang-undang

yang digubal benar-benar kukuh dari sudut syariah dan Perlembagaan,” katanya.

Beliau menjelaskan, pendekatan penggubalan yang diambil adalah dalam ruang lingkup bidang kuasa Dewan Negeri sebagaimana diperuntukkan di bawah Item 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, khususnya berkaitan pewujudan dan penghukuman terhadap kesalahan yang melanggar perintah agama Islam.

Menurutnya, rang undang-undang tersebut memberi tumpuan kepada kesalahan yang bersifat keagamaan meliputi aspek akidah, kesucian agama Islam, institusi-institusi Islam serta perkara berkaitan moral menurut syariat.

“Penggubalan Rang Undang-undang ini mengambil kira sepenuhnya alasan penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes Nik Elin serta beberapa keputusan terdahulu, di samping menghormati bidang kuasa Badan Perundangan Negeri dan kedaulatan Perlembagaan Persekutuan.

“Penggubalan ini membuktikan bahawa undang-undang syariah mampu terus berkembang melalui ijtihad perundangan dalam kerangka Perlembagaan,” ujarnya.

Kelantan hargai sokongan Rabitah terhadap pendidikan Islam

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 2 Ogos - Kerajaan Negeri Kelantan merakamkan penghargaan kepada Rabitah al-Alami al-Islami atas komitmen berterusan badan itu dalam menyokong perkembangan pendidikan Islam dan pengajian al-Quran di sekolah-sekolah seliaan kerajaan negeri.

Penghargaan itu disampaikan sempena kunjungan hormat Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat kepada Pengarah Rabitah al-Alami al-Islami Dr Mohammed Gharawi Ahmed di pejabat Rabitah di Kuala



Lumpur pada Jumaat.

Dato' Wan Roslan berkata, kerajaan negeri turut merakamkan penghargaan atas pengiktirafan berprestij yang diberikan kepada pelajar tahfiz sempena Majlis Kerajaan dan Penghargaan Penghafaz al-Quran yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 12 Jun.

Katanya, kerajaan negeri ber-



harap program pengiktirafan serta penyampaian penghargaan kepada pelajar tahfiz bersanad itu dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan penglibatan bersama Kerajaan Negeri melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Ujarnya, kerajaan negeri sentiasa terbuka untuk memperkukuh kerjasama dengan Rabitah, khusus-

nya dalam program penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan guru, di samping pelbagai program lain yang boleh dirangka demi manfaat bersama.

“Semoga hubungan silaturahmi dan kerjasama strategik yang terjalin ini terus diperkukuh demi memartabatkan syiar Islam serta memperkasakan pendidikan Islam di Negeri Kelantan,” katanya menerusi media sosial, pada Jumaat.

Turut mengiringi rombongan, Pengarah YIK Shamsul Abu Bakar; Timbalan Pengarah Sekolah YIK Ahmad Pakhrudin Deraman serta Timbalan Pengarah Akademik YIK Sukeri Hussin.

HSK 2026: Inspirasi wanita Kelantan teladani Sayyidatina Khadijah

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 6 Ogos – Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) 2026 terus menjadi platform Kerajaan Negeri Kelantan menyemai inspirasi kepada wanita agar mencontohi keperibadian unggul Sayyidatina Khadijah RA dalam membina keluarga, memperkukuh masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan negeri.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, sambutan yang memasuki tahun ke-12 itu bukan sekadar program tahunan, sebaliknya medan menghargai, mengiktiraf serta memartabatkan wanita yang telah mencurahkan bakti kepada agama, keluarga, masyarakat dan negeri.

Beliau berkata demikian dalam ucapan aluan ketika merasmikan majlis Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah 2026 yang berlangsung di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, program HSK yang diperkenalkan sejak tahun 2015 sebagai penjenamaan sambutan Hari Wanita bertujuan membentuk wanita Kelantan yang lebih berani, bermaruah dan berakhlak mulia berteraskan teladan Sayyidatina Khadijah RA dengan slogan "Agar Dirimu Semulia Khadijah."

Katanya lagi, sambutan HSK



2026 menerima sambutan luar biasa apabila kapasiti dewan yang mampu menempatkan 1,000 peserta dipenuhi sepenuhnya sehingga pihak urus setia terpaksa menolak sebahagian permohonan tambahan.

Bagi membolehkan lebih ramai mengikuti pengisian program, siaran langsung secara dalam talian turut disediakan.

"HSK bukan sekadar program tahunan biasa-biasa, bahkan kita berhasrat HSK menjadi satu medan untuk menghargai, mengiktiraf dan memartabatkan wanita yang telah mencurahkan bakti kepada agama, keluarga, masyarakat dan negeri." ujarnya.

Menurutnya, HSK juga menjadi platform menghimpunkan wanita daripada pelbagai latar belakang selain mengiktiraf tokoh-tokoh wanita yang berjaya memberi inspirasi kepada masyarakat.

Beliau memaklumkan, tahun ini, Kerajaan Negeri Kelantan turut memperluaskan pelaksanaan program ke seluruh DUN bagi meng-

hargai lebih ramai wanita serta mengiktiraf sekurang-kurangnya 45 Tokoh Usahawan Wanita peringkat DUN.

Tambahnya, sehingga tahun 2025, seramai 58 wanita telah dinobatkan sebagai Tokoh Wanita Negeri, 30 sebagai Ikon Wanita Negeri Kelantan, manakala 101 lagi menerima pengiktirafan Tokoh dan Ikon Wanita di peringkat Parlimen serta DUN. Pada tahun ini pula, tiga penerima Tokoh dan dua penerima Ikon Wanita Negeri bakal diumumkan.

Mengulas agenda pembangunan wanita, beliau berkata, kerajaan negeri sentiasa meletakkan pembangunan wanita dan institusi keluarga sebagai antara keutamaan kerana kekuatan sesebuah negeri bermula daripada kekuatan institusi keluarga.

"Jika kita ingin melihat masa depan sesebuah negeri, lihatlah bagaimana wanita di negeri itu dimuliahkan, dimartabatkan dan diberikan peluang untuk turut sama menyumbang kepada pembangu-



nan masyarakat sesuai dengan kemampuan dan kelebihannya tanpa mengabaikan tanggungjawab asasnya." jelasnya.

Katanya lagi, HSK 2026 turut memberi penekanan kepada pembangunan diri, kesejahteraan emosi, ilmu, keusahawanan dan kerohanian bagi membantu wanita menghadapi cabaran semasa seperti tekanan ekonomi, kesihatan mental serta keseimbangan antara kerjaya dan keluarga.

Beliau berharap Sambutan Hari Sayyidatina Khadijah akan terus menjadi platform melahirkan lebih ramai tokoh dan ikon wanita yang menjadi aset kepada agama, keluarga, masyarakat serta negeri Kelantan.

Antara slot utama program program berkenaan ialah Daurah Wanita: "Agar Dirimu Semulia Khadijah" yang disampaikan oleh penceramah selebriti Ustazah Asma Harun serta ceramah kesihatan mental bertajuk "Aku Bukan Gila" yang disampaikan oleh penceramah motivasi Syakirin Yuslan.

Sembang santai di kedai kopi erat hubungan pemimpin dengan rakyat - DS Tuan Ibrahim



Oleh: Syamimi Manah

KUBANG KERIAN, 6 Ogos – Ahli Parlimen Kubang Kerian YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man terus mengambil pendekatan turun padang untuk meluangkan masa bersama penduduk Kampung Teluk Baru, di sini, pada Selasa.

Menurutnya, sesi sembang san-



tai di kedai kopi menjadi medium berkesan untuk mengeratkan hubungan pemimpin dengan rakyat dan dapat mendengar pandangan atau aduan masyarakat secara langsung.

"Suasana santai di kedai kopi memberi peluang kepada masyarakat menyampaikan pandangan

serta membincangkan pelbagai isu semasa secara terbuka kepada Ahli Parlimen mereka," katanya.

Tambahnya, pertemuan itu turut menyentuh pelbagai perkara berkaitan Parlimen Kubang Kerian selain perkembangan semasa di peringkat negeri dan negara.

Beliau yakin interaksi secara

langsung seperti itu penting bagi memastikan suara rakyat dapat didengar dan difahami, sekali gus membantu memperkukuh hubungan antara wakil rakyat dengan masyarakat setempat.

Sehubungan itu, Dato' Sri Tuan Ibrahim merakamkan penghargaan kepada semua penduduk yang hadir serta berkongsi pandangan sepanjang sesi tersebut.

"Sembang di kedai kopi selalunya lebih santai, tetapi di situ lah banyak perkara yang dikongsi. Semoga pertemuan seperti ini dapat terus mengeratkan hubungan serta menjadi ruang untuk saling bertukar pandangan," katanya di laman rasmi, semalam.

Pemerintahan Islam terbukti mampu tadbir masyarakat majmuk - Speaker DUN Kelantan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 5 Ogos - Pemerintahan Islam terbukti mempunyai keupayaan mentadbir masyarakat yang merentasi pelbagai bangsa, bahasa dan budaya berlandaskan keadilan, ilmu serta syariat, kata Speaker Dewan Negeri (DUN) Kelantan YB Dato' Sri Amar Diraja Dato' Dr. Mohd Amar Abdullah.

Menurutnya, tanggapan bahawa Islam hanya sesuai diamalkan dalam urusan ibadah manakala pentadbiran negara moden memerlukan sistem berbeza adalah berpunca daripada kegagalan memahami sejarah Islam secara menyeluruh.

Jelasnya, sejak zaman Khulafa al-Rasyidin, pemerintahan Islam berkembang merentasi pelbagai bangsa, bahasa dan budaya sebelum diteruskan oleh kerajaan Umawiyyah, Abbasiyyah dan Turki Uthmaniyyah yang mentadbir wilayah sangat luas selama berabad-abad.

“Di sebelah barat pula, Andalusia muncul sebagai antara pusat ilmu, sains dan tamadun yang menjadi rujukan dunia.

“Kejayaan itu tidak bergantung kepada kekuatan tentera semata-mata sebaliknya lahir daripada pentadbiran yang tersusun, sistem kehakiman yang dihormati, pengurusan kewangan yang teratur, institusi pendidikan yang berkembang serta keupayaan pemerintah menyesuaikan pelaksanaan pentadbiran mengikut keperluan zaman tanpa meninggalkan prinsip syariat,” katanya dalam media sosial, pada Selasa.

Menurutnya lagi, antara contoh kebijaksanaan pentadbiran Islam ialah penyelarasan mushaf al-Quran pada zaman Khalifah Uthman bin Affan ketika wilayah Islam berkembang sehingga ke Azerbaijan dan Armenia.

Tambahnya, tindakan itu diambil selepas Huzaifah bin al-Yaman menyuarakan kebimbangan mengenai perbezaan bacaan al-Quran

yang mula menimbulkan pertikaian dalam kalangan orang awam.

Susulan itu, Dato' Mohd Amar memaklumkan, Khalifah Uthman menubuhkan jawatankuasa diketuai Zaid bin Thabit bagi menyalin mushaf berdasarkan suhuf yang dihimpunkan pada zaman Khalifah Abu Bakar sebelum salinannya dihantar ke pusat-pusat pemerintahan Islam sebagai rujukan rasmi.

“Keputusan itu bukan mengubah al-Quran, sebaliknya memelihara kesatuan umat. Hingga hari ini, umat Islam di seluruh dunia masih membaca mushaf yang berpandukan penyelarasan itu,” jelasnya.

Dato' Mohd Amar juga berkata, sejarah turut membuktikan pemerintahan Islam tidak pernah terbatas kepada satu kaum apabila wilayah Islam pernah merangkumi Asia, Afrika dan Eropah dengan penduduk terdiri daripada pelbagai bangsa, bahasa dan agama.

Ujarnya, pengalaman itu membuktikan masyarakat majmuk bukan sesuatu yang asing dalam tamadun Islam, sebaliknya keadilan menjadi asas pentadbiran manakala

dakwah disampaikan dengan kebijaksanaan dan akhlak yang mulia.

Beliau turut menegaskan, kebanyakan orang tidak menolak Islam selepas memahami ajarannya, sebaliknya mereka menolak kerana belum benar-benar mengenali keindahan agama itu.

Pada masa sama, beliau mengingatkan supaya tidak mudah berputus asa dalam perjuangan menegakkan Islam kerana cabaran bukan semestinya petanda kegagalan, bahkan boleh menjadi isyarat bahawa matlamat semakin hampir.

Beliau menggesa umat Islam terus menuntut ilmu, membina akhlak, menyampaikan dakwah dan melaksanakan amanah dengan sebaik-baiknya, manakala hasil akhirnya diserahkan kepada Allah SWT.

“Segala-galanya bermula dengan ilmu yang dipandu oleh wahyu. Daripada ilmu lahir akidah yang teguh, syariat yang diamalkan dan akhlak yang mulia, seterusnya membentuk masyarakat yang adil serta pemerintahan yang membawa rahmat kepada seluruh manusia,” katanya.

Manfaatkan peluang belajar di luar negara untuk bangunkan negeri - Exco Pengajian Tinggi

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos — Peluang melanjutkan pengajian di luar negara perlu dimanfaatkan sebagai satu amanah besar untuk melahirkan graduan yang mampu menyumbang kepada pembangunan agama, negeri dan masyarakat apabila kembali ke tanah air, kata Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kursus Bahasa Arab yang disertai 109 pelajar yang bakal melanjutkan pengajian ke Mesir dan Jordan di D'Heritage Resort & Training Center, Bachok, hari ini.

Menurutnya, kursus berkenaan merupakan antara inisiatif penting kerajaan negeri dalam memastikan para pelajar membuat persediaan rapi sebelum memulakan pengaji-



an di luar negara, khususnya dari aspek penguasaan bahasa, kecemerlangan akademik dan pembentukan sahsiah.

Katanya, penguasaan Bahasa Arab bukan sahaja memudahkan proses pembelajaran dan komunikasi harian, malah menjadi kunci untuk memahami khazanah ilmu Islam secara lebih mendalam.

“Penguasaan Bahasa Arab adalah satu kelebihan yang amat penting kepada pelajar yang akan menyambung pengajian di Mesir dan

Jordan kerana ia menjadi medium utama dalam menimba ilmu serta memahami sumber-sumber ilmu Islam.

“Justeru, peluang mengikuti kursus ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam pengajian di luar negara,” katanya dalam media rasmi, hari ini.

Dato' Wan Roslan turut mengingatkan para pelajar supaya membuat persiapan secara menyeluruh dengan memberi penekanan kepa-

da adab, disiplin dan pembinaan sahsiah di samping kecemerlangan akademik.

“Perjalanan ke Mesir dan Jordan bukan sekadar untuk memperoleh segulung ijazah, tetapi membawa amanah untuk pulang dengan ilmu, pengalaman serta kematangan yang dapat dimanfaatkan demi kepentingan ummah,” jelasnya.

Beliau berharap 109 pelajar itu diberi kemudahan sepanjang tempoh pengajian dan berjaya mengharungi cabaran sebagai penuntut ilmu sehingga kembali sebagai generasi yang berilmu, beradab serta mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negeri dan negara.

Turut hadir Timbalan Pengarah (Sekolah) Yayasan Islam Kelantan (YIK) Ahmad Pakhrudin Derman dan Penolong Pengarah Pelajaran (Pinjaman, Biasiswa dan Bantuan) Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Rosfanizam Din.

Konvensyen Penternak NAIMbif platform perkukuh industri lembu pedaging Kelantan

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 3 Ogos – Konvensyen Penternak NAIMbif Negeri Kelantan 2026 dilihat sebagai platform penting dalam memperkukuh pembangunan industri penternakan lembu pedaging di negeri ini.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata konvensyen anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan itu menjadi medan perkongsian ilmu dan pengalaman dan turut menjadi pengiktirafan kepada penternak yang menunjukkan komitmen tinggi dalam membangunkan industri berkenaan.

Katanya, program seperti itu juga membuka ruang kepada penternak berkongsi cabaran, kejayaan serta idea penambahbaikan bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran, di samping menarik lebih ramai usahawan tani menceburi bidang penternakan.

“Program seperti ini juga membuka ruang kepada penternak untuk berkongsi cabaran, kejayaan serta idea penambahbaikan ke arah meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran, di samping menarik



lebih ramai penyertaan baharu dalam kalangan usahawan tani.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Penternak NAIMbif Negeri Kelantan 2026 di Sudara Beach Resort, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai program NAIMbif, Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata inisiatif yang dilancarkan pada 2017 itu adalah strategi untuk menghasilkan lembu pedaging berkualiti tinggi menerusi pendekatan yang lebih sistematik dan moden.

Katanya, program berkenaan merangkumi penggunaan bioteknologi, pengurusan pemakanan yang terancang serta amalan penternakan yang lestari.

“Pelaksanaan sistem ini bu-

kan sahaja memberi fokus kepada pengeluaran ternakan semata-mata, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan satu ‘Jenama Kelantan’ yang berdaya saing, dengan ciri-ciri unggul seperti kadar tumbesaran yang cepat, kualiti daging yang tinggi serta keupayaan menyesuaikan diri dengan persekitaran tempatan,” jelasnya.

Tambahnya, kerajaan turut menyalurkan pelbagai bantuan dan inisiatif kepada penternak di bawah program berkenaan sebagai bukti kesungguhan dalam memperkasa golongan itu daripada aspek pengu- rusan, teknologi dan ekonomi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan Konvensyen Penternak NAIMbif Negeri Kelantan 2026,

khususnya para penternak yang menjadi tulang belakang kejayaan program berkenaan.

Beliau berharap sinergi erat antara jabatan dan penternak dapat terus diperkukuhkan supaya Kelantan terus memperkukuh kedudukannya sebagai hab pengeluaran lembu hibrid berkualiti terbaik di Malaysia.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan Dr Yahasmida Yaacob, Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Dr Siti Noorbainun Othman, Pemangku Pengurus Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd Mohd Afzanizan Arif serta Ketua-ketua Bahagian, Ketua Sekyen dan Ketua Perkhidmatan Veterinar Jajahan.



Kelantan rekod pencapaian tertinggi negara dalam pembiakbakaan ternakan

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 3 Ogos - Kelantan terus mencatat pencapaian cemerlang dalam bidang pembiakbakaan ternakan menerusi pelaksanaan teknologi pembiakan, sekali gus merekodkan prestasi tertinggi di Malaysia.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata pencapaian itu membuktikan keupayaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan bersama penternak mengaplikasikan teknologi pembiakan secara berkesan di peringkat lapangan.

Katanya, kejayaan itu meningkatkan produktiviti ternakan dan menjadi asas penting kepada pembangunan industri lembu daging yang lebih moden, berdaya saing dan mampan selaras dengan aspirasi Program NAIMbif.

“Pada tahun 2025, sebanyak



15,753 perkhidmatan permanian beradas (AI), 22,535 pemeriksaan kebuntingan dan 9,935 kelahiran anak ternakan hasil AI telah direkodkan.

“Pencapaian ini merupakan yang tertinggi di Malaysia, sekali gus membuktikan keupayaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan bersama-sama penternak dalam mengaplikasikan teknologi pembiakan secara berkesan di peringkat lapangan.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Penternak NAIMbif Negeri Kelantan 2026 di Sudara Beach Resort, di sini, hari ini.

Beliau turut menyifatkan



penyertaan penternak Kelantan dalam Himpunan Lembu Sado Malaysia yang berlangsung di Kedah dari 24 hingga 26 Julai lalu sebagai satu lagi kejayaan membanggakan apabila berjaya mengharumkan nama negeri di pentas nasional.

Katanya, lebih membanggakan apabila dianggarkan hampir 99 peratus lembu yang dipertandingkan, membabitkan penyertaan dari seluruh Semenanjung Malaysia, merupakan lembu yang dilahirkan dan dibangunkan di Kelantan.

“Pencapaian ini membuktikan Kelantan memiliki penternak yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi dan telah berjaya muncul sebagai hab utama pengeluaran baka

lembu hibrid berkualiti di Malaysia,” jelasnya.

Tambahnya, kejayaan itu adalah hasil usaha berterusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan bersama penternak dalam memperkasa program pembiakbakaan, termasuk menerusi penggunaan teknologi permanian beradas dan pelaksanaan Program NAIMbif.

Pada masa sama, beliau menegaskan kerajaan negeri komited memperkasa sektor penternakan sebagai antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negeri.

Beliau turut menggalakkan lebih ramai penternak muda dan usahawan tani menyertai Program NAIMbif dengan memanfaatkan bimbingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta sokongan pelbagai agensi bagi melahirkan penternak moden yang mengaplikasikan teknologi baharu dalam bidang penternakan.

Pelajar YIK perlu kuasai STEM dan keusahawanan tanpa abaikan asas agama

Oleh: Irham Hilmi Hashim

TUMPAT, 4 Ogos – Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menegaskan para pelajar sekolah agama kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) perlu menguasai bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta keusahawanan sebagai persediaan menghadapi cabaran masa depan, tanpa mengabaikan asas pendidikan Islam yang menjadi tunjang pembentukan sahsiah.

Menurutnya, keseimbangan antara penguasaan ilmu agama dan ilmu kontemporari merupakan kekuatan utama yang mampu melahirkan modal insan berdaya saing, berakhlak serta mampu menyumbang kepada pembangunan ummah dan negara.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Keusahawanan dan Minggu STEM di SMU (A) Nurul Huda SABK, Kajang Sebidang Tumpat, pada 30 Julai.

“Keusahawanan perlu diberikan perhatian kerana ia merupakan antara bidang yang mampu membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat. Prinsip bahawa sembilan persepuluh punca rezeki



datang daripada perniagaan dan usaha sendiri seharusnya menjadi motivasi kepada generasi muda untuk berani menceburi bidang keusahawanan.

“Pelajar tidak seharusnya hanya bergantung kepada peluang pekerjaan bergaji tetap, sebaliknya perlu melengkapkan diri dengan ilmu, kemahiran dan kreativiti bagi membina sumber pendapatan sendiri melalui bidang perniagaan serta inovasi,” katanya.

Dalam masa sama, beliau menjelaskan penguasaan STEM perlu dilihat daripada perspektif yang lebih menyeluruh, termasuk memahami kebesaran Allah SWT melalui ilmu sains.

“Ilmu sains membantu manusia memahami proses kejadian insan daripada setitik air mani sehingga ditiupkan roh, sekali gus mening-

katkan kesedaran tentang hakikat kehidupan sebagai hamba Allah SWT. Ilmu sains dan perubatan juga memainkan peranan penting dalam menjaga kesihatan tubuh badan supaya manusia dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna,” jelasnya.

Beliau turut mengingatkan bahawa kecemerlangan akademik perlu disertai dengan pembentukan sahsiah yang kukuh berteraskan ajaran Islam.

“Pendidikan yang dibawa oleh Rasulullah SAW berasaskan tiga perkara utama iaitu kasih kepada Nabi SAW, kasih kepada ahli keluarga serta para sahabat Baginda, selain membudayakan pembacaan dan penghayatan Al-Quran dalam kehidupan seharian.

“Keseimbangan antara pengajian Al-Quran, tafsir, hadis dan tajwid

dengan penguasaan STEM mampu melahirkan generasi yang mempunyai kekuatan ilmu, akhlak serta kepakaran profesional,” ujarnya.

Beliau memaklumkan, pelajar sekolah agama hari ini mempunyai kelebihan tersendiri apabila mengikuti sehingga 15 mata pelajaran dan terbukti mampu bersaing dalam pelbagai bidang profesional seperti perubatan, kejuruteraan dan perkhidmatan awam, selain berjaya melanjutkan pengajian ke institusi dalam dan luar negara.

“Peluang pendidikan di luar negara juga semakin terbuka termasuk di Algeria dan Tunisia yang menawarkan kemudahan tertentu kepada pelajar, selain kerjasama akademik dan TVET bersama institusi di Korea Selatan dan Qatar dalam bidang teknikal serta kejuruteraan,” katanya.

Paip air mentah Sungai Bagan siap dibaiki lebih awal, bekalan pulih secara berperingkat



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 2 Ogos – Kerja pembaikan paip air mentah yang bocor di HCW Sungai Bagan, Machang berjaya disiapkan lebih awal daripada jangkaan, sekali gus membolehkan pengeluaran air di Loji Rawatan Air (LRA) Merbau Chondong kembali beroperasi seperti biasa.

Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) menerusi satu hantaran di laman media sosial pada Sabtu memak-

lumkan kerja pembaikan itu siap sepenuhnya pada jam 7.30, 31 Julai manakala pengeluaran air di LRA Merbau Chondong kembali normal pada pukul 3 pagi, hari ini.

“Bekalan air ke premis pengguna dijangka pulih secara berperingkat. Bantuan lori tangki AKSB dan operator negeri lain masih diteruskan hari ini bagi memastikan pengguna menerima bekalan air bersih,” menurut AKSB.

Kerja pembaikan membabitkan

paip MS 600 di HCW Sungai Bagan itu bermula pukul 9 malam pada 30 Julai, seperti yang dijadualkan, sebelum berjaya disiapkan pada pukul 7.30 malam, 31 Julai.

Pada peringkat awal, AKSB menganggang proses pembaikan mengambil masa antara 24 hingga 36 jam, namun kerja berkenaan berjaya diselesaikan lebih awal.

Gangguan bekalan air itu membabitkan kira-kira 34,000 akaun pengguna di seluruh jajahan

Machang, sebahagian Pasir Puteh serta sebahagian Kota Bharu melibatkan kawasan Kok Lanis.

Sepanjang tempoh gangguan, AKSB menggerakkan lori tangki air dan lori air kontrak ke kawasan yang terjejas bagi membantu menyalurkan bekalan air bersih kepada pengguna.

Pada masa sama, AKSB turut mendapat bantuan daripada beberapa operator air negeri lain, iaitu Pengurusan Air Selangor, Lembaga Air Perak, Syarikat Air Terengganu, Pengurusan Air Pahang, Syarikat Air Darul Aman dan Perbadanan Air Pulau Pinang bagi membantu membekalkan air ke kawasan yang mengalami gangguan.

Pengguna yang memerlukan maklumat lanjut boleh menghubungi PINTAS Careline di talian 15777.

Dr. Wan Martina bangkit isu kebebasan statistik, privasi data dan akauntabiliti dalam RUU Statistik 2026



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 4 Ogos—Ahli Dewan Negara YB Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff membangkitkan beberapa isu penting berkaitan kebebasan institusi statistik, perlindungan privasi data rakyat serta akauntabiliti dalam perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Statistik 2026 di Dewan Negara, hari ini.

Beliau berkata, walaupun menyokong usaha kerajaan menggantikan Akta Perangkaan 1965 bagi memodenkan sistem statistik negara, beberapa penambahbaikan perlu dipertimbangkan bagi memastikan pelaksanaan akta baharu itu benar-benar menjamin keyakinan rakyat terhadap pengu-

rusan data negara.

“Statistik bukan sekadar angka. Statistik ialah asas kepada pembentukan dasar, perancangan pembangunan, penyediaan belanjawan, penyaluran bantuan rakyat, penentuan kadar kemiskinan, pengukuran inflasi, peluang pekerjaan dan hala tuju ekonomi negara,” katanya.

Katanya, peluasan fungsi Jabatan Statistik Malaysia sebagai pusat repositori data negara perlu disertai jaminan perlindungan data peribadi yang lebih kukuh, termasuk penyelarasan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pelaksanaan piawaian keselamatan siber, audit keselamatan berkala serta kejelasan mengenai tempoh penyimpanan dan pelupusan data.

Beliau turut mempersoalkan skop repositori data yang diperluaskan melalui RUU berkenaan, termasuk penggunaan frasa “bidang-bidang lain yang berkaitan” yang menurutnya perlu diperjelaskan bagi mengelakkan peluasan kuasa tanpa mekanisme semak dan

imbang yang mencukupi.

Dalam masa sama, beliau menegaskan statistik rasmi negara perlu bebas daripada sebarang persepsi campur tangan politik bagi memastikan keyakinan pelabur, penyelidik dan rakyat terhadap data yang diterbitkan.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan supaya keanggotaan Majlis Statistik Negara diperluaskan dengan melibatkan wakil universiti, badan profesional statistik, sektor industri, masyarakat sivil dan kerajaan negeri, selain menggesa kerajaan mempertimbangkan penggunaan United Nations Fundamental Principles of Official Statistics sebagai panduan utama pelaksanaan akta tersebut.

Selain itu, beliau turut membangkitkan keperluan mewujudkan mekanisme rayuan terhadap arahan Ketua Perangkawan, memandangkan RUU memberi kuasa yang luas kepada jawatan berkenaan untuk mendapatkan data daripada individu atau organisasi.

Dr. Wan Martina turut

menyentuh kepentingan perlindungan undang-undang kepada pegawai kerajaan yang melaksanakan tugas rasmi, namun menegaskan perlindungan tersebut tidak seharusnya mengurangkan akauntabiliti sekiranya berlaku kecuaiian sehingga menyebabkan kebocoran data berskala besar.

Beliau juga menggesa supaya laporan tahunan Majlis Statistik Negara dibentangkan di Parlimen, jadual penerbitan statistik utama negara ditetapkan lebih awal, dasar data terbuka diperluaskan serta audit bebas terhadap metodologi statistik dilaksanakan bagi meningkatkan ketelusan dan keyakinan awam.

“Negara memerlukan sistem statistik yang moden, berintegriti dan diyakini. Kejayaan sebenar Akta ini ialah apabila rakyat yakin bahawa data mereka dilindungi, statistik negara bebas daripada campur tangan serta setiap kuasa yang diberikan tertakluk kepada semak dan imbang yang berkesan,” ujarnya.

168 penerima manfaat disantuni dalam Himpunan OKU dan Anak Yatim DUN Panchor

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 2 Ogos—Sebanyak 168 penerima manfaat terdiri daripada orang kurang upaya (OKU), anak yatim, penerima Skim Manfaat Armalah dan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) disantuni dalam Himpunan OKU dan Anak Yatim DUN Panchor.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Panchor YB Dato’ Sri Amar D’Raja Mohd Amar Abdullah, berkata program tersebut merupakan antara inisiatif menyantuni golongan yang memerlukan, selaras dengan komitmen berterusan dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa diberi perhatian.

Menurutnya, penerima sumbangan melibatkan 45 OKU, 100 anak yatim, empat penerima Skim Manfaat Armalah serta 19 penerima bantuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menerusi Gerakan Berdikari Rakyat Kelantan yang disantuni dalam Majlis di Pusat Khidmat DUN Panchor pada 30 Julai.



“Program seperti ini bukan sekadar menyampaikan bantuan, malah menjadi medan untuk mendekati dan menyantuni golongan yang memerlukan agar mereka terus merasai keprihatinan dan sokongan masyarakat.

“Semoga setiap bantuan yang disampaikan dapat memberi sedikit kelegaan, menyuntik semangat dan menjadi pemangkin kepada para penerima untuk terus melangkah ke hadapan,” katanya dalam media pada Jumaat lalu.

Beliau berkata, majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran Datin Sri Amar D’Raja Datin

Hasmani Hussain yang bersama-sama menyantuni para penerima serta menyampaikan sumbangan sebagai tanda kasih dan keprihatinan kepada masyarakat.

Menurutnya, usaha menyantuni golongan kurang bernasib baik perlu dilaksanakan secara berterusan kerana mereka merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang wajar diberikan perhatian dan sokongan.

“Keprihatinan terhadap kebajikan rakyat perlu diterjemahkan melalui tindakan yang mampu memberi manfaat secara langsung kepada golongan sasar, khususnya OKU,



anak yatim, ibu tunggal dan usahawan kecil yang memerlukan sokongan untuk meneruskan kehidupan,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program tersebut sehingga berlangsung dengan lancar.

Menurutnya, kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan agenda kebajikan dapat dilaksanakan secara berterusan, sekali gus membuktikan bahawa kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan.

The Textile Lab pelihara warisan songket dan kelingkan, lahir generasi baharu artisan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 4 Ogos – Penubuhan The Textile Lab Kota Bharu menjadi langkah signifikan dalam usaha memelihara warisan tekstil negara serta melahirkan generasi baharu artisan yang berkemahiran dalam seni Songket Kelantan dan Sulaman Kelingkan, sekali gus memastikan khazanah budaya negeri terus lestari.

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, inisiatif tersebut berfungsi sebagai pusat latihan dan menjadi platform pembangunan sosioekonomi yang mampu memperkasa wanita, melahirkan usahawan kreatif dan membuka peluang pendapatan kepada golongan sasaran.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pelancaran The Textile Lab Kota Bharu yang turut dihadiri Presiden Malaysian Craft Council (MCC) Nik Faiz Nik Amin, bersama para artisan, wakil agensi kerajaan, institusi pendidikan dan rakan strategik di Taman Sri Cemerlang, hari ini.

Menurutnya, penubuhan The Textile Lab selaras dengan Hala tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024–2028 yang memberi penekanan kepada usaha memperkasakan wanita melalui pembangunan kemahiran di samping memelihara warisan seni dan budaya tempatan, khususnya seni Kelingkan dan Songket yang menjadi identiti negeri.

Katanya, usaha memperkukuh warisan tersebut bermula menerusi lawatan kerja ke kediaman Adi Guru dan Master Artisan Keling-



kan Nik Rahimah Nik Idris dan Nik Marhamah Nik Megat pada Oktober 2024 sebelum diteruskan melalui kerjasama strategik bersama Malaysian Craft Council.

“Hasil perbincangan yang terjalin, Memorandum Persefahaman (MoU) antara Malaysian Craft Council dan Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan telah dimeterai pada 26 Februari 2025 bagi memperluaskan peluang latihan, pembangunan kemahiran serta pemerdayaan ekonomi wanita melalui bidang seni warisan.

“Bagi memastikan pelaksanaan program berjalan secara lebih tersusun, Pusat Latihan Wanita, OKU dan Armalah (PLWOA) telah dikenal pasti sebagai pusat latihan, sekali gus memberi ruang kepada wanita, termasuk golongan OKU dan armalah, meningkatkan kemahiran serta menjana pendapatan,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan, kejayaan The Textile Project sebelum ini membuktikan pelaburan dalam latihan kemahiran tradisional mampu memberi impak ekonomi yang nyata apabila ramai peserta

berjaya menamatkan latihan dalam bidang Songket Kelantan dan Kelingkan.

Menurutnya, sebahagian daripada mereka kini menjana pendapatan sendiri melalui kemahiran yang diperolehi.

Sementara itu, Nik Faiz berkata, The Textile Lab diwujudkan sebagai sebuah ruang pembelajaran, pemeliharaan dan pembangunan tekstil warisan yang menghimpunkan artisan, penyelidik, pelajar, komuniti serta industri dalam satu ekosistem.

Menurutnya, pusat berkenaan merupakan sebuah ruang fizikal dan platform yang menghubungkan warisan dengan masa hadapan melalui latihan, dokumentasi, inovasi dan pembangunan produk.

“Sehingga kini, sebanyak 40 pelatih telah mengikuti latihan dalam bidang Tenunan Songket Kelantan dan Sulaman Kelingkan. Daripada jumlah itu, 20 orang telah diambil bekerja bersama The Textile Lab bagi meneruskan penghasilan produk, latihan dan pembangunan tekstil warisan” jelasnya.

Katanya lagi, penubuhan The Textile Lab merupakan kesinam-

“

Sehingga kini, sebanyak 40 pelatih telah mengikuti latihan dalam bidang Tenunan Songket Kelantan dan Sulaman Kelingkan. Daripada jumlah itu, 20 orang telah diambil bekerja bersama The Textile Lab bagi meneruskan penghasilan produk, latihan dan pembangunan tekstil warisan,”

bungan daripada The Textile Project yang disokong oleh Yayasan Hasanah dengan kerjasama Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan.

“Melalui projek ini, kami berjaya melatih generasi baharu dalam bidang Tenunan Songket dan Sulaman Kelingkan, membimbing artisan muda bersama Master Artisan, mendokumentasikan ilmu tradisi serta membuka peluang ekonomi kepada peserta melalui kemahiran warisan.

“Kejayaan ini membuktikan warisan ini terus dipelihara dan mampu menjadi sumber pendapatan dan pembangunan komuniti,” ujarnya.

Beliau berharap The Textile Lab akan terus berkembang sebagai pusat latihan tekstil warisan, pusat penyelidikan dan dokumentasi, ruang kolaborasi antara artisan dan industri, pusat rujukan Songket Kelantan serta Kelingkan, selain muncul sebagai destinasi pelancongan budaya yang memperkenalkan keunikan warisan Kelantan ke peringkat nasional dan antarabangsa.



Karnival Bachok Biz dan Food Fest 2026 rancakkan ekonomi, promosi usahawan tempatan

Oleh: Asri Hamat

BACHOK, 1 Ogos - Penganjuran Karnival Bachok Biz dan Food Fest 2026 merancakkan aktiviti keusahawanan serta mempromosikan produk dan lokasi di daerah ini kepada masyarakat, khususnya pengunjung dari luar Kelantan.

Sehubungan itu, Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam Ab Rahman berkata, program seumpama itu wajar diteruskan setiap tahun supaya menjadi sebahagian daripada kalendar aktiviti keusahawanan negeri dan mampu menarik kehadiran pelancong pada waktu tertentu.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak pengurusan yang berjaya menganjurkan karnival ini. Sudah tentu program ini memberi manfaat secara langsung kepada usahawan dan peniaga tempatan.

"Ia juga merupakan salah satu usaha kerajaan membantu mempromosikan produk dan lokasi kepada masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup Karnival Bachok Biz dan Food Fest 2026, di Pasar Baru Jelawat di sini, hari ini.

Menurutnya, penganjuran program seperti itu secara berterusan mampu memperlihatkan perkembangan baharu yang berlaku di Bachok kepada masyarakat luar.

Tambahnya, masyarakat Kelantan sememangnya mempunyai budaya berniaga yang kuat dan aktiviti perniagaan dapat dilihat di seluruh jajahan di negeri itu.

Dalam pada itu, Dato' Md Anizam memaklumkan Kerajaan Negeri Kelantan turut membantu



usahawan menerusi penyediaan pinjaman mikrokredit berjumlah antara RM3,000 hingga RM10,000 dengan tempoh bayaran balik selama tiga tahun.

Katanya, kemudahan mikrokredit tanpa riba itu disediakan melalui Bank Muamalat, manakala Agrobank turut menyediakan kemudahan yang samabagi membantu usahawan dan peniaga.

Beliau juga menggalakkan golongan belia menceburi bidang perniagaan kerana ia merupakan antara sumber pendapatan yang mampu menjana rezeki selain pekerjaan dalam sektor kerajaan dan swasta.

Ujarnya lagi, bukan senang untuk berniaga tetapi dengan sokongan pelbagai pihak ia akan menjadi lebih mudah untuk diuruskan.

"Dengan sokongan pentadbiran kerajaan negeri dan Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDP-BPI) saya percaya segala usaha yang dilaksanakan oleh para usahawan akan berjaya," jelasnya.

Beliau turut berpesan agar masyarakat sentiasa memohon pertolongan dan bertawakal kepada Allah SWT dalam setiap usaha yang dilakukan.

Sementara itu, Ketua Jajahan Bachok merangkap YDP MDB-BPI Mohd Zaki Yusoff menyifatkan

kan penganjuran Karnival Bachok Biz dan Food Fest 2026 di Bandar Baharu Jelawat bertepatan dengan usaha menghidupkan kawasan itu sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baharu.

Katanya, program yang berlangsung selama empat hari bermula 29 Julai hingga 1 Ogos itu menghimpunkan jualan dan pameran produk, festival makanan, promosi usahawan tempatan, aktiviti kekeluargaan serta pelbagai pengisian untuk pengunjung.

Menurutnya, MDB-BPI menyediakan platform kepada usahawan mikro kecil dan sederhana, peniaga makanan serta usahawan tempatan untuk memperkenalkan produk, membina rangkaian dan meluaskan pasaran kepada pengunjung serta tetamu.

"Setiap pembelian oleh pengunjung merupakan sokongan langsung kepada keluarga peniaga dan kepada kitaran ekonomi daerah Bachok.

"Dalam kita mengejar kemajuan ekonomi, marilah kita berpegang kepada prinsip perniagaan yang halal, amanah dan berintegriti," ujarnya.

Mengulas tentang Bandar Baharu Jelawat, beliau berkata bandar tersebut dibangunkan sebagai

“

Dengan sokongan pentadbiran kerajaan negeri dan Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDP-BPI) saya percaya segala usaha yang dilaksanakan oleh para usahawan akan berjaya,”

kawasan pertumbuhan baharu di Bachok dengan kos pembangunan hampir RM90 juta yang meliputi pelbagai kemudahan seperti pasar awam bertingkat, surau, hentian bas dan tandas awam.

Katanya lagi, bandar itu mula beroperasi sekitar tahun 2023 sebelum dirasmikan pada Januari 2025 oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud.

Menurut Mohd Zaki, pembangunan itu memperlihatkan usaha Kerajaan Negeri Kelantan bersama MDB-BPI dalam menyusun aktiviti perniagaan dengan lebih baik melalui penyediaan kemudahan awam yang selesa serta merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat.

Turut diadakan dalam majlis tersebut ialah penyampaian sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Agrobank oleh Dato' Md Anizam kepada 50 asnaf serta penyerahan khemah sumbangan Agrobank oleh Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank YM Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin kepada Setiausaha MDB-BPI Mohd Khairul Adzhar Mohd Adnan dan dua wakil peniaga.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Bachok Mohamad Ismail Jamaluddin dan Ahli-ahli MDB-BPI.



Jalan Kampung Bukit Sireh sepanjang 550 meter siap dinaik taraf demi keselamatan penduduk

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 2 Ogos – Masalah jalan berlopak dan berlubang di Kampung Bukit Sireh kini selesai apabila kerja-kerja membaiki pulih dan menurap jalan sepanjang kira-kira 550 meter siap sepenuhnya pada minggu lalu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata pelaksanaan projek tersebut membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan dalam memastikan penyelenggaraan infrastruktur asas terus diberi perhatian demi keselesaan dan keselamatan rakyat.

Menurutnya, usaha membaiki pulih jalan berkenaan merupakan susulan kepada permohonan yang telah dikemukakan oleh Pusat Khidmat DUN Mengkebang pada tahun lalu selepas menerima aduan daripada penduduk setempat.

“Sebelum ini saya telah meminta pihak Pusat Khidmat DUN untuk mengangkat permohonan



pembaikan dan penurapan jalan tersebut bagi memastikan masalah yang dihadapi penduduk dapat diselesaikan.

“Alhamdulillah, kerja-kerja pembaikan dan penurapan jalan itu akhirnya berjaya disiapkan dalam tempoh yang singkat demi memberikan keselesaan dan menjamin keselamatan pengguna jalan raya serta penduduk Kampung Bukit Sireh,” katanya dalam media rasmi, hari ini.

Beliau memaklumkan, keadaan jalan yang rosak sebelum ini menjejaskan kelancaran pergerakan

penduduk dan turut menimbulkan risiko kepada pengguna, terutama ketika cuaca hujan.

Menurutnya, penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan kampung perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kemudahan awam sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan oleh masyarakat.

“Terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas tindakan segera menyelesaikan isu ini serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kerja-kerja pembaikan tersebut.

“Penghargaan juga dirakamkan kepada penduduk Kampung Bukit Sireh yang sentiasa memberikan maklumat serta kerjasama yang baik sepanjang proses permohonan dan pelaksanaan projek ini,” katanya.

Beliau berharap usaha menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur asas akan terus diperkaskan dari semasa ke semasa agar kesejahteraan rakyat, khususnya di DUN Mengkebang, sentiasa terpelihara melalui penyediaan kemudahan yang lebih selesa, berkualiti dan selamat.

Pelajar perlu kuasai Bahasa Arab sebelum ke Al-Azhar, Jordan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos – Penguasaan bahasa Arab yang mantap menjadi antara elemen penting dalam memastikan pelajar yang bakal melanjutkan pengajian ke luar negara mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran akademik serta mengikuti pengajian dengan lebih berkesan.

Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata Kursus Bahasa Arab Persediaan Pelajar ke Universiti Al-Azhar dan Jordan merupakan inisiatif yang signifikan

dalam menyediakan peserta dengan kemahiran bahasa serta keyakinan diri sebelum memulakan pengajian.

Menurutnya, persediaan awal melalui kursus sedemikian amat penting bagi membantu pelajar memahami bahasa Arab dengan lebih baik, sekali gus memudahkan proses pembelajaran apabila berada di institusi pengajian tinggi di Mesir dan Jordan.

“Penguasaan bahasa Arab bukan sahaja penting untuk tujuan akademik, malah menjadi asas kepada kefahaman ilmu serta memudahkan pelajar menyesuaikan diri

dengan persekitaran pembelajaran di Universiti Al-Azhar dan Jordan.

“Kursus ini diharap dapat membina keyakinan peserta serta menjadi bekalan yang bermanfaat sebelum mereka melangkah ke alam pengajian di luar negara,” katanya dalam media sosial, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan ceramah sempena Kursus Bahasa Arab Persediaan Pelajar ke Universiti Al-Azhar dan Jordan yang berlangsung selama tiga hari di D’Heritage Resort & Training Center, Bachok, semalam.

Menurutnya, selain memperkukuh penguasaan bahasa, kursus tersebut turut berperanan membentuk sahsiah dan jati diri pelajar supaya menjadi individu yang berilmu, berakhlak mulia serta bersedia menghadapi cabaran sepanjang tempoh pengajian.

Katanya lagi, peluang melanjutkan pengajian ke institusi tersohor seperti Universiti Al-Azhar dan universiti di Jordan perlu dimanfaatkan sebaik mungkin dengan kesungguhan serta iltizam yang tinggi dalam menuntut ilmu.

“Semoga sepanjang tiga hari kursus ini para peserta memperoleh ilmu yang bermanfaat, dipermudahkan segala urusan dan terus istiqamah dalam menuntut ilmu.

“Kita juga berharap mereka akan muncul sebagai generasi yang cemerlang dalam akademik, berakhlak mulia serta bersedia berkhidmat untuk agama, ummah dan negara apabila kembali menabur bakti kelak,” ujarnya.

300 armalah DUN Kijang terima sumbangan fasa dua

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos - Kelantan meneruskan agenda negeri berkebajikan apabila sebanyak 300 armalah (ibu tunggal) di Dewan Negeri (DUN) Kijang menerima sumbangan menerusi Majlis Penyampaian Sumbangan Armalah Fasa 2 di Dewan Kem Kijang, semalam.

Sumbangan berkenaan mencerminkan kesinambungan dasar negeri berkebajikan yang dilaksanakan Kerajaan Negeri Kelantan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) yang juga Exco kerajaan negeri YB Dato' Dr Izani Hussin berkata, golongan armalah merupakan insan tabah yang meneruskan kehidupan dengan penuh cecal serta memikul amanah membesarkan



anak-anak walaupun diuji dengan ketiadaan suami.

Beliau turut berpesan kepada golongan armalah supaya tabah dan terima ketentuan Allah SWT dengan hati yang reda.

"Jangan menganggap hanya kita sahaja yang diuji kerana setiap orang diuji namun dengan cara yang berbeza. Terimalah setiap

ketentuan Allah dengan hati yang reda dan jangan pernah putus berharap kepada-Nya," katanya di media sosial, semalam.

Beliau turut mengingatkan armalah supaya sentiasa menjaga solat, mendekatkan diri dengan al-Quran serta memperbanyakkan zikir, selawat dan istighfar.

Beliau turut menyeru ibu bapa

agar mendidik anak-anak dengan al-Fatihah dan al-Quran kerana ilmu yang diajarkan akan menjadi amal jariah yang pahalanya terus mengalir.

Beliau turut mendoakan agar Allah SWT mengurniakan kekuatan, kesabaran dan keberkatan kepada semua armalah dalam mendidik generasi pewaris ummah



Kecemerlangan UPKK asas lahir generasi berilmu, berakhlak



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos - Kejayaan cemerlang murid dalam Ujian Penilaian Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (UPKK) membuktikan penguasaan akademik dan menjadi asas penting dalam melahirkan generasi yang berilmu, beriman serta berakhlak mulia.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata pencapaian cemerlang murid Sekolah Kebangsaan Kuala Krai (SKKK) dalam UPKK 2025 merupakan hasil usaha gigih murid, komitmen guru serta sokongan padu daripada ibu bapa dan pihak pentadbiran sekolah.

Menurutnya, kejayaan tersebut membuktikan kerjasama erat an-

tara sekolah dan keluarga mampu melahirkan generasi yang cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik, malah memiliki sahsiah serta akhlak yang baik.

"Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada seluruh murid SK Kuala Krai yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam UPKK 2025.

"Tahniah juga kepada guru-guru KAFA, guru-guru SK Kuala Krai, pihak pentadbir sekolah dan ibu bapa yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada kejayaan anak-anak. Kejayaan ini adalah hasil usaha gigih, doa yang tidak putus-putus serta kerjasama erat antara sekolah dan keluarga," katanya dalam media rasmi, hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Kuala Krai berkata, UPKK bukan sekadar peperiksaan sebaliknya menjadi kayu ukur terhadap penguasaan ilmu al-Quran, Fardu Ain, akhlak serta asas pendidikan Islam dalam kalangan murid.

Menurutnya, keputusan UPKK turut menjadi antara merit penting bagi kemasukan ke sekolah agama peringkat menengah termasuk sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), institusi tahfiz dan institusi pendidikan Islam lain.

"Pencapaian ini diharapkan menjadi pembakar semangat kepada semua murid untuk terus meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah diri.

"Kecemerlangan yang sebenar bukan hanya diukur melalui keputusan peperiksaan, tetapi juga pada akhlak, adab dan istiqamah dalam mengamalkan ajaran Islam," katanya.

Beliau berharap kejayaan yang dicapai akan menjadi pemangkin kepada seluruh warga SK Kuala Krai untuk terus mengekalkan budaya kecemerlangan, sekali gus melahirkan lebih ramai pelajar yang mampu menyumbang kepada pembangunan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan.

Menurutnya, generasi muda yang dibentuk dengan asas ilmu agama yang kukuh akan menjadi pewaris ummah yang berintegriti, berdaya saing dan mampu menghadapi cabaran masa depan tanpa mengabaikan nilai-nilai Islam.



YB Zakhran komited bantu jayakan pembangunan kawasan rekreasi Bukit Bakar

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 3 Ogos – Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor komited membantu merealisasikan pembangunan sebuah kawasan rekreasi berhampiran Taman Eko Rimba Bukit Bakar sebagai usaha memperkukuh sektor pelancongan dan merancakkan ekonomi masyarakat setempat.

Menurutnya, pembangunan kawasan rekreasi berkenaan berpotensi menjadi produk pelancongan baharu yang mampu menarik lebih ramai pengunjung ke daerah Machang sekali gus memberi limpahan manfaat kepada penduduk sekitar.

“Saya bersedia membantu bagi menjayakan projek taman rekreasi ini demi kebaikan dan manfaat rakyat, terutama dalam memperkasakan industri pelancongan serta merancakkan ekonomi masyarakat setempat,” katanya dalam media rasmi selepas mengadakan pertemuan dan meninjau pembangu-



nan kawasan rekreasi berhampiran Taman Eko Rimba Bukit Bakar, hari ini.

Beliau memaklumkan, pertemuan itu diadakan bagi mendingar sendiri isu, cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pengusaha dalam membangunkan kawasan rekreasi tersebut supaya usaha penyelesaiannya dapat diteliti melalui saluran yang bersesuaian.

Menurutnya, kawasan rekreasi yang dibangunkan di atas tanah milik persendirian seluas hampir 1.5 ekar itu mempunyai potensi besar untuk menjadi tarikan baharu kepa-

da pelancong domestik dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

Beliau turut mengadakan perbincangan bersama pengusaha projek Zul Aiman Muhamad Zanini, 38, seorang anak muda tempatan yang berpengalaman dalam mengusahakan pusat rekreasi, termasuk Min House Camp di Kubang Kerian serta pernah mengendalikan perniagaan Soopa Doopa di Kolam Air Panas Tok Bok sebelum kawasan itu dibangunkan sebagai Taman Tema Air Splash @ Tok Bok.

Menurutnya, pengalaman di-



miliki pengusaha tersebut menjadi nilai tambah dalam merealisasikan pembangunan kawasan rekreasi yang berkualiti dan mampu memberi impak positif kepada sektor pelancongan negeri.

Beliau berharap kerjasama antara pengusaha, masyarakat dan pihak berkaitan dapat terus diperkukuhkan agar pembangunan kawasan rekreasi itu dapat direalisasikan dengan lancar, sekali gus mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi serta menjadikan Bukit Bakar sebagai destinasi rekreasi pilihan di Kelantan.

Lima keluarga DUN Pengkalan Kubor terima manfaat Skim Khairat Kifaalah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 4 Ogos – Sebanyak lima keluarga yang kehilangan ahli keluarga menerima sumbangan RM1,000 setiap seorang menerusi Skim Khairat Kifaalah Kerajaan Negeri Kelantan dalam ziarah kebajikan yang diadakan di beberapa mukim di DUN Pengkalan Kubor.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor merangkap Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata inisiatif tersebut mencerminkan keprihatinan kerajaan neg-

eri dalam membantu meringankan beban keluarga yang ditimpa musibah kematian.

Menurutnya, sumbangan khairat yang disampaikan diharapkan dapat memberi sedikit kelegaan kepada waris dalam menghadapi saat sukar, di samping membuktikan kebajikan rakyat sentiasa menjadi keutamaan kerajaan negeri.

“Skim Khairat Kifaalah merupakan antara inisiatif kebajikan kerajaan negeri yang bertujuan membantu waris ahli Kifaalah ketika berdepan ujian kehilangan insan tersayang.

“Semoga sumbangan ini dapat meringankan sedikit beban yang



ditanggung oleh keluarga penerima,” katanya dalam hantaran media rasminya selepas mengadakan kunjungan ke rumah-rumah waris, semalam.

Beliau berkata, ziarah tersebut melibatkan lima keluarga di Mukim Telok Jering, Mukim Tanjong, Mukim Ketil dan Mukim Geting, selain menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada setiap wasi yang layak.

Menurutnya, antara Allahyarham dan Allahyarhamah yang diziarahi ialah Allahyarhamah Kamariah Chik Wil, Allahyarham Shafii Jaafar, Allahyarham Ahmad Nazian Abd. Wahab, Allahyar-

hamah Aminah Salleh dan Allahyarhamah Halijah Mamat.

Beliau berkata, program ziarah seumpama itu bukan sekadar menyampaikan bantuan kewangan, malah menjadi medium untuk menyantuni keluarga yang sedang berdepan ujian serta menzahirkan rasa kebersamaan masyarakat terhadap mereka.

“Semoga Allah SWT mengampuni segala dosa mereka, melimpahkan rahmat-Nya serta menempatkan roh mereka dalam kalangan hamba-hamba yang beriman.

“Semoga seluruh ahli keluarga diberikan kekuatan, kesabaran dan ketabahan dalam menghadapi ujian kehilangan insan tersayang,” katanya.

Beliau berharap Skim Khairat Kifaalah akan terus menjadi antara medium kebajikan yang memberi manfaat kepada rakyat, sekali gus memastikan keluarga yang ditimpa musibah sentiasa mendapat perhatian dan sokongan sewajarnya daripada kerajaan negeri.

Kelantan giat bina rumah mampu milik demi kesejahteraan rakyat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 4 Ogos – Kerajaan Negeri Kelantan giat melaksanakan Projek Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) dan Projek Residensi Rakyat (PRR) bagi memastikan lebih ramai rakyat berpeluang memiliki kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu dimiliki.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata usaha itu merupakan antara keutamaan Kerajaan Negeri dalam merancang pembangunan sektor perumahan secara menyeluruh bagi memenuhi permintaan dan keperluan rakyat yang semakin meningkat.

Menurutnya, penyediaan rumah mampu milik dapat memenuhi keperluan asas tempat tinggal dan menjadi pemangkin kepada pembentukan institusi keluarga yang stabil, sejahtera dan berdaya tahan.

“Kerajaan Negeri sentiasa komited memastikan lebih ramai rakyat, khususnya golongan B40, M40, pasangan muda dan mereka yang masih belum memiliki kediaman sendiri, dapat menikmati peluang memiliki rumah yang berkualiti pada harga yang mampu dimiliki.

“Pembangunan sektor per-



mahan perlu dilaksanakan secara tersusun dan bersepadu supaya setiap projek yang dirancang dapat disiapkan mengikut jadual serta benar-benar memberi manfaat kepada rakyat,” katanya dalam media sosial, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perumahan Negeri Kelantan Bil. 1/2026 yang menghimpunkan pelbagai agensi berkaitan bagi membincangkan hala tuju serta strategi pembangunan sektor perumahan di negeri ini, di Kota Darul Naim, semalam.

Menurutnya, jawatankuasa berkenaan memainkan peranan penting sebagai platform penyelarasan dasar, perancangan dan pelaksanaan projek-projek perumahan, selain menjadi medium untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan pembangunan secara lebih berkesan.

Beliau berkata, mesyuarat terse-

but memberi fokus kepada usaha memperbanyakkan pembinaan RMMK, mempercepat pelaksanaan projek yang sedang dirancang, mengenal pasti tapak baharu yang berpotensi untuk pembangunan PRR dan RMMK serta memperincikan langkah-langkah penyelesaian terhadap isu teknikal dan pelaksanaan projek.

Katanya, antara projek yang dibincangkan termasuk RMMK Badang, RMMK Bunut Susu, RMMK Meranti 2, RMMK Joh, PRR Kadok dan PRR Kok Lanas, selain beberapa projek lain yang kini berada pada peringkat penilaian serta penelitian teknikal di tapak.

Menurutnya, setiap projek yang dirancang akan dilaksanakan secara berfasa dengan mengambil kira keperluan penduduk setempat, kesesuaian lokasi serta kemudahan infrastruktur agar pembangunan yang diwujudkan mampu mem-



berikan manfaat jangka panjang kepada rakyat.

Tambahnya, kejayaan agenda perumahan negeri memerlukan kerjasama erat antara Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan, pihak berkuasa tempatan serta semua agensi berkaitan bagi memastikan setiap perancangan dapat direalisasikan dengan berkesan.

“Rumah bukan sekadar tempat berteduh, sebaliknya menjadi asas kepada pembentukan keluarga yang bahagia, melahirkan masyarakat yang harmoni serta menyumbang kepada pembangunan negeri secara menyeluruh.

“Insya Allah, melalui kerjasama semua pihak, lebih banyak projek rumah mampu milik akan dapat direalisasikan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan lebih ramai penduduk Kelantan memiliki kediaman yang selesa, selamat dan berkualiti,” jelasnya.

AKSB laksana ‘flushing’ paip utama, kualiti air dijangka pulih dalam tempoh lima hari



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Ogos – Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) sedang mempergiat kerja-kerja pembersihan (flushing) di paip-paip utama di Machang, Pasir Puteh dan sebahagian Kota Bharu Selatan bagi memastikan kualiti bekalan air bertambah baik susulan siapnya kerja pembaikan paip air mentah



di Sungai Bagan Machang pada 31 Julai.

AKSB menerusi hantaran di media sosial pada Isnin memaklumkan, pelaksanaan kerja-kerja pembersihan itu menyebabkan kualiti bekalan air bersih sedikit terjejas buat sementara waktu dan dijangka mengambil masa antara empat hingga lima hari untuk kem-



bali pulih seperti sediakala.

“AKSB Jajahan, khususnya Machang, Pasir Puteh dan sebahagian Kota Bharu Selatan telah dan sedang mempergiat kerja-kerja flushing atau pembersihan di paip-paip utama bagi memastikan kualiti air bertambah baik,” katanya.

Sehubungan itu, AKSB berharap pengguna di tiga jajahan

terbabit bersabar sepanjang tempoh pemulihan kualiti bekalan air. Orang ramai yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan boleh menghubungi PINTAS Careline di talian 15777.

Dalam pada itu, AKSB turut merakamkan penghargaan kepada Pengurusan Air Selangor, Syarikat Air Darulaman (SADA), Pengurusan Air Pahang (PAIP), Syarikat Air Terengganu (SATU), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Lembaga Air Perak (LAP) atas bantuan dalam misi penghantaran bekalan air di Machang, Pasir Puteh dan sebahagian Kota Bharu Selatan sepanjang 30 Julai hingga 2 Ogos 2026.

Pelaburan sektor hospitaliti terus rancakkan pembangunan pelancongan Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 4 Ogos – Pelaburan berterusan dalam sektor hospitaliti dilihat mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan industri pelancongan Kelantan menerusi penyediaan lebih banyak kemudahan penginapan yang berkualiti, selesa dan memenuhi keperluan pelbagai kategori pelawat.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata pembukaan Rovers Hotel @ Kubang Kerian merupakan perkembangan positif yang menyokong usaha memperkukuh ekosistem pelancongan negeri, khususnya dalam menyediakan pilihan penginapan kepada pelancong dan pengunjung.

Menurutnya, pembangunan sektor hospitaliti memberi nilai tambah kepada industri pelancongan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat melalui peningkatan aktiviti perniagaan serta peluang pekerjaan.

“Penyediaan kemudahan pengi-



napan yang moden, selesa dan berkualiti amat penting dalam memastikan Kelantan terus menjadi destinasi pilihan pelancong, di samping memenuhi keperluan pelawat yang datang atas pelbagai urusan.

“Pelaburan dalam sektor hospitaliti seperti ini turut memberi impak positif kepada perkembangan industri pelancongan negeri serta membantu merancakkan ekonomi komuniti setempat,” katanya dalam media sosial semalam selepas merasmikan pembukaan Rovers Hotel @ Kubang Kerian.

Beliau berkata, lokasi hotel yang strategik berhampiran Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia

(HPUSM), Kubang Kerian memberi kelebihan kepada pelawat, khususnya pesakit serta ahli keluarga yang datang dari dalam dan luar Kelantan bagi mendapatkan rawatan.

Menurutnya, kemudahan penginapan berhampiran institusi kesihatan utama itu turut menyokong perkembangan sektor pelancongan perubatan yang semakin mendapat perhatian dan berpotensi menjadi antara segmen penting industri pelancongan negeri.

“Selain memenuhi keperluan pelancong, hotel seperti ini memainkan peranan sebagai komponen sokongan kepada pelancongan perubatan dengan menyediakan



penginapan yang selesa dan mudah diakses oleh pesakit serta keluarga mereka,” katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada pengurusan Rovers Hotel @ Kubang Kerian atas pembukaan hotel tersebut dan berharap premis berkenaan terus berkembang serta mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung.

Di samping itu, Datuk Kamarudin juga optimis kehadiran hotel baharu itu mampu memberi limpahan manfaat kepada komuniti setempat, sekali gus memperkukuh sektor hospitaliti, merangsang pertumbuhan ekonomi dan menyokong agenda pembangunan pelancongan negeri Kelantan secara menyeluruh.

Semangat “Jauh di Rantau, Bachok Tetap di Hati” satukan komuniti perantau



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 4 Ogos – Semangat “Jauh di Rantau, Bachok Tetap di Hati” terus menyatukan komuniti anak Bachok yang menetap di perantauan apabila Program Temu Mato Anok Bachok berjaya menghimpunkan masyarakat dari pelbagai kawasan di Lembah Klang, pada Ahad.

Ahli Parlimen Bachok YB Mohd Syahir Che Sulaiman berkata, program itu menjadi platform terbaik untuk mengeratkan ukhuwah serta memperkukuh silaturrahim dalam kalangan anak-anak Bachok

yang menetap di luar Kelantan, di samping mengekalkan jati diri serta kecintaan terhadap kampung halaman.

Menurutnya, sambutan yang diterima amat memberangsangkan hasil kerjasama erat pelbagai pihak termasuk Ahli Dewan Negeri (ADUN), penghulu, urusetia dan komuniti anak Bachok di Kota Raja serta Shah Alam yang bertungkus-lumus menjayakan program berkenaan.

“Alhamdulillah, tahniah kepada semua penganjur, YB ADUN, penghulu dan urusetia di pihak tuan rumah yang telah bertungkus-lumus



menjayakan program ini.

“Sambutan amat meriah dengan pelbagai aktiviti seperti sukaneka, pertunjukan silat, dikir barat, futsal, tazkirah dan cabutan bertuah yang berjaya menghimpunkan anak-anak Bachok di perantauan,” katanya di laman rasmi pada 2 Ogos.

Program yang berlangsung di Dewan Sri Nervillia, Kota Kemuning itu dimeriahkan dengan pelbagai pengisian termasuk pertandingan futsal, sepakan penalti, sukaneka, persembahan dikir barat, silat tomoi, sesi ramah mesra serta cabutan bertuah.

Turut menjadi tarikan ialah

jamuan istimewa gulai kawah tradisi Kelantan yang dimasak oleh tukang gulai dari Tawang, Bachok, sekali gus mengubat kerinduan para perantau terhadap cita rasa kampung halaman.

Program Temu Mato Anok Bachok di Perantauan dianjurkan secara bersama oleh Pusat Khidmat DUN Jelawat, Pusat Khidmat DUN Pantai Irama, Pusat Khidmat DUN Tawang, Pusat Khidmat Parlimen Bachok, PERAKAN Malaysia serta komuniti Anok-Anok Bachok di Perantauan.

YB Mohd Syahir berkata, program seumpama itu diharap dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai wadah memperkukuh hubungan sesama anak Bachok walau di mana mereka berada.

“Walaupun berjauhan dari kampung halaman, semangat ‘Jauh di Rantau, Bachok Tetap di Hati’ perlu terus dipelihara agar hubungan silaturrahim, budaya dan identiti anak Bachok sentiasa mekar serta diwarisi oleh generasi akan datang,” ujarnya.

Lima keluarga mangsa kebakaran Kampung Bagus terima bantuan Tabung Serambi Mekah

Oleh: Syamimi Manah

RANTAU PANJANG, 5 Ogos— Lima keluarga yang terjejas dalam insiden kebakaran di Cabang 3, Kampung Bagus menerima bantuan segera Tabung Serambi Mekah yang disampaikan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Perok YB Kamaruzaman Mohamad, semalam.

YB Kamaruzaman berkata, bantuan tersebut disampaikan bersama Penghulu Wan Idris Wan Deraman sebagai usaha meringankan beban mangsa yang kehilangan tempat tinggal dan harta benda akibat kebakaran itu.

“Lima penerima bantuan tersebut ialah Nik Marwati Mustafa, Norizni Mahmud, Mek Nga Yusoff, Hafiz Muhammad dan Mohd Rosli Abdullah,” katanya.



Tambahnya, kebakaran yang berlaku pada Khamis lalu itu telah mengakibatkan tiga buah rumah musnah sepenuhnya, manakala dua buah lagi mengalami kerosakan teruk akibat dijilat api. Insiden itu turut memusnahkan hampir keseluruhan barangan keperluan harian milik mangsa serta tiga buah motosikal.

Menurut YB Kamaruzaman, sumbangan awal daripada Tabung

Serambi Mekah diharap dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa sementara mereka berusaha meneruskan kehidupan selepas ditimpa musibah.

“Semoga sumbangan awal daripada Tabung Serambi Mekah ini dapat meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh mangsa. Insya-Allah, kami akan terus memantau perkembangan mereka dan

berusaha membantu melalui saluran yang sewajarnya,” ujarinya di laman sosial rasmi, semalam.

YB Kamaruzaman turut mengajak orang ramai mendoakan agar semua mangsa diberikan kekuatan, ketabahan dan dipermudahkan segala urusan.

“Semoga Allah SWT menggantikan segala kehilangan dengan rezeki yang lebih baik,” katanya.



100 penduduk Apam Putra terima agihan pokok cempedak durian, baja organik



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 6 Ogos— Sebanyak 100 penduduk di Dewan Negeri (DUN) Apam Putra menerima agihan 100 anak pokok cempedak durian dan baja organik daripada Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha kerajaan negeri menyemarakkan budaya pertanian di peringkat komuniti, sekali gus memperkukuh agenda keterjaminan makanan negeri.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, inisiatif menerusi Program Apo Koba Pok Tani Agro Al Falah itu bertujuan menggalakkan masyarakat memanfaatkan tanah atau ruang yang ada dengan tanaman bernilai tinggi yang mampu menjana pendapatan serta menjadi sumber bekalan makanan kepada keluarga.

Menurutnya, usaha membu-



dayakan aktiviti pertanian dalam kalangan rakyat perlu diperkasa secara berterusan bagi meningkatkan pengeluaran makanan di peringkat komuniti dan mengukuhkan sekuriti makanan negeri.

“Melalui program ini, sebanyak 100 penerima menerima anak pokok cempedak durian sebagai galakan untuk mengusahakan tanaman bernilai tinggi yang berpotensi memberikan pulangan ekonomi pada masa hadapan.

“Kerajaan Negeri berharap lebih ramai masyarakat memanfaatkan tanah atau kawasan yang sesuai untuk diusahakan dengan tanaman berkualiti, sekali gus memperkukuh sektor agromakanan negeri,” katanya dalam media rasmi selepas merasmikan Program Apo Koba Pok Tani Agro Al Falah DUN Apam Putra di Pusat Khidmat DUN Apam Putra, semalam.

Beliau berkata, selain menerima anak pokok, peserta turut dibekalkan baja organik sebagai usaha menggalakkan amalan pertanian organik yang lebih lestari dan mesra alam.

Menurutnya, penggunaan baja organik bukan sahaja membantu meningkatkan kesuburan tanah, malah mampu menghasilkan tanaman yang lebih berkualiti serta menyokong pembangunan pertanian mampan.

Katanya, program tersebut diurussetiakan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) sebagai salah satu inisiatif memperluas penyertaan masyarakat dalam sektor pertanian melalui pendekatan yang praktikal dan berimpak tinggi.

“Peserta turut diberikan penerangan mengenai pelbagai bantuan dan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri, Jabatan Per-

tanian serta agensi berkaitan bagi menyokong pembangunan sektor pertanian dan membantu pekebun meningkatkan produktiviti masing-masing,” ujarinya.

Beliau berkata, pendedahan terhadap pelbagai bentuk bantuan itu diharap dapat dimanfaatkan oleh peserta untuk mengembangkan aktiviti pertanian secara lebih sistematik, berdaya maju dan berorientasikan hasil.

Turut hadir, Exco Kerajaan Negeri Kelantan yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Apam Putra YB Zamakhshari Muhamad. ADN Gual Perok YB Kamaruzaman Mohamad dan Pengurus Besar KPKB Mukhlis Mokhtar.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri akan terus memperkenalkan pelbagai program yang mampu memperkasakan sektor pertanian sebagai pemacu ekonomi rakyat di samping memastikan bekalan makanan negeri kekal mencukupi dan mampan.

“Semoga usaha ini terus menyemarakkan budaya bertani, memperkukuh amalan pertanian organik dan melahirkan lebih ramai pekebun yang mampu menyumbang kepada keterjaminan makanan Negeri Kelantan,” katanya.

Dato' Wan Roslan santuni mangsa terselamat tragedi panahan petir di Tumpat

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 6 Ogos — Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menyantuni mangsa yang terselamat dalam tragedi panahan petir yang mengorbankan seorang pemain bola sepak ketika perlawanan di Golok, Thailand sebagai tanda keprihatinan dan sokongan moral kepada mangsa.

Beliau menziarahi Mohamad Aliff Ezzahan Zulkifli, 22, di kediamannya di Kampung Tujuh, Pengkalan Kubor, semalam bagi bertanya khabar mengenai keadaan kesihatannya serta memberikan kata-kata semangat selepas insiden yang menggemparkan itu.

Menurut Dato' Wan Roslan, Aliff merupakan sahabat rapat kepada Allahyarham Safwan Awae



dan berada di belakang arwah ketika kejadian panahan petir berlaku dalam perlawanan Piala FA Golok yang menemukan pasukan Abu Sirin Bukit Ta dengan Sam Colt pada 4 Ogos.

Beliau berkata, tragedi itu meragut nyawa Allahyarham Safwan Awae yang juga bekas pemain Kelab Bolasepak Kampung Baru Nelayan FC serta pernah beraksi dalam Liga Tumpat musim 2024.

“Kehadiran saya hari ini adalah sebagai tanda sokongan dan keprihatinan kepada saudara Aliff agar beliau terus diberikan kekuatan untuk menghadapi ujian yang menimpa.

“Semoga saudara Aliff terus diberikan kesembuhan, kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian ini,” katanya menerusi media sosial.

Beliau turut mengajak masyar-

akat bersama-sama mendoakan Allahyarham Safwan Awae agar segala dosanya diampunkan dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

“Marilah kita bersama-sama mendoakan agar Allah SWT mengampuni segala dosa Allahyarham Safwan Awae, melimpahkan rahmat-Nya serta menempatkan roh beliau dalam kalangan orang-orang yang beriman,” katanya.

Menurutnya, setiap musibah yang berlaku menjadi peringatan kepada masyarakat agar sentiasa menghargai nikmat kehidupan, saling mengambil berat antara satu sama lain serta tidak putus mendoakan mereka yang sedang diuji.

Beliau turut merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham Safwan Awae dan berharap mereka dikurniakan kesabaran serta ketabahan dalam menghadapi kehilangan insan tersayang.

Peruntukan sama rata Ahli Parlimen hanya perlukan keputusan dasar eksekutif - YB Abdul Latiff



Oleh: Asri Hamat

KUALA LUMPUR, 6 Ogos - Pelaksanaan peruntukan sama rata kepada semua Ahli Parlimen termasuk pembangkang tidak memerlukan pindaan perlembagaan, sebaliknya hanya memerlukan keputusan dasar eksekutif.

Demikian kenyataan Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman ketika membahas Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2026- Penghadan Tempoh Jawatan Perdana Menteri pada 2 Mac.

Katanya, pelaksanaan perkara

itu boleh dibuat dengan segera sekiranya diumumkan oleh Perdana Menteri.

“PM umum sekejap lagi, esok dah boleh dilaksanakan dan kami dah boleh bantu rakyat yang memerlukan dalam bulan Ramadan ini dan menjelang Aidilfitri nanti,” katanya.

Pada masa sama, YB Abdul Latiff mempersoalkan mengapa perkara yang menurutnya tidak memerlukan pindaan Perlembagaan masih belum dilaksanakan sepenuhnya, sedangkan perkara yang memerlukan persetujuan Majlis

Raja-Raja mahu dipercepatkan.

“Mengapa perkara yang tidak memerlukan pindaan tidak dilaksanakan sepenuhnya tetapi perkara besar yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja ingin dipercepatkan?” Soalnya.

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan menggubal akta atau memasukkan peruntukan sama rata kepada semua Ahli Parlimen dalam pindaan Perlembagaan bagi memastikan agihan berkenaan dijamin oleh undang-undang tanpa

mengira pihak yang membentuk kerajaan.

“Jika benar kerajaan ikhlas, ‘Akta’kan atau masukkan dalam pindaan Perlembagaan peruntukan sama rata kepada semua Ahli Parlimen, supaya siapa pun menjadi kerajaan, peruntukan Ahli Parlimen dijamin oleh undang-undang.

“Insya Allah selepas PRU-16 nanti, kami pula menjadi kerajaan, maka pihak sana juga akan dapat peruntukan. Kalau tidak, kong kali kong, balik asal!” katanya.



NGO pelbagai kaum diseru jadi ejen sampaikan gambaran sebenar Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 5 Ogos – Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pelbagai kaum di Kelantan diseru memainkan peranan sebagai ejen penyampai maklumat dengan berkongsi gambaran sebenar mengenai negeri ini kepada masyarakat luar, sekali gus membantu membetulkan persepsi yang kurang tepat terhadap Kelantan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad berkata, NGO pelbagai kaum mempunyai peranan penting dalam menyampaikan fakta dan pengalaman sebenar mengenai suasana kehidupan, keharmonian serta pembangunan di Kelantan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan kepada NGO pelbagai kaum di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurutnya, rakyat Kelantan termasuk NGO pelbagai kaum perlu lebih proaktif dalam menyampaikan maklumat yang benar mengenai negeri ini agar masyarakat luar memperoleh gambaran yang



tepat.

“Kita berharap semua dapat menjadi ejen yang menyampaikan keadaan sebenar di Kelantan. Ceritakan perkara yang benar supaya masyarakat luar mengetahui realiti sebenar negeri ini dan tidak hanya bergantung kepada persepsi yang tidak tepat,” katanya.

Beliau turut berharap hubungan baik antara NGO masyarakat India dan masyarakat Tionghua di Kelantan terus dipelihara bagi memastikan keharmonian dan perpaduan yang dikecapi selama ini dapat dikekalkan.

Dalam pada itu, YB Zamakhshari berkata, penyampaian sumbangan itu merupakan sebahagian daripada komitmen

berterusan Kerajaan Negeri dalam menyokong aktiviti kemasyarakatan serta memperkukuhkan hubungan dengan masyarakat pelbagai kaum.

Katanya, sepanjang tahun ini kerajaan negeri telah mengadakan tiga siri penyampaian sumbangan kepada NGO, dengan bantuan disalurkan berdasarkan permohonan yang diterima serta peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Beliau berkata, selain membantu NGO, Kerajaan Negeri turut menyediakan pelbagai bentuk bantuan kebajikan kepada rakyat menerusi inisiatif seperti Skim Kifaalah, Az-Ziwaaj dan bantuan kepada ibu muda sebagai usaha

meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Pada majlis tersebut, lima NGO pelbagai kaum menerima sumbangan daripada kerajaan negeri iaitu Tokong Pulau Swee Nyet Keung bagi membaik pulih dewan serbaguna, Persatuan Penganut Tiong Hua Hian Tuar Keong bagi membaik pulih tandas yang rosak dan Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian Xiang Long Kelantan bagi penganjuran Pertandingan Tarian Singa Akrobatik 2026.

Turut menerima sumbangan, Tempel Penganut Kuan Seng Tir Kun Pasir Parit Pasir Mas serta Kelantan Indian Chamber of Commerce & Industry bagi pelaksanaan aktiviti tahunan 2026.

MDBBPI banteras perniagaan vape tanpa lesen, 1,095 produk disita



Oleh: Syamimi Manah

BACHOK, 2 Ogos—Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Bachok (MDBBPI) berjaya membanteras perniagaan vape tanpa lesen apabila menyita sebanyak 1,095 kotak rokok elektronik, perasa, vape dan kartrij dalam Operasi Bersepadu Membanteras Perniagaan Tanpa Lesen (Vape) yang dijalankan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sekitar kawasan Majlis Daerah Bachok pada 28 Julai.

Operasi khas yang berlangsung dari pukul 2.00 petang hingga 6.00 petang itu dilaksanakan hasil kerjasama antara Bahagian Penguat-

kuasaan Majlis Daerah Bachok dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bachok menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN).

Menurut kenyataan MDBBPI pada 30 Julai, operasi bersepadu tersebut melibatkan 12 anggota penguat kuasa yang terdiri daripada pegawai dan anggota PDRM serta pegawai penguat kuasa Majlis Daerah Bachok bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

“Operasi ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan pihak berkuasa tempatan dalam



menguatkuasakan larangan penjualan dan pengedaran produk vape selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan yang mengharamkan sepenuhnya perniagaan vape di semua kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini” katanya.

Sepanjang operasi dijalankan, beberapa premis perniagaan telah diperiksa bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang serta syarat pelesenan yang ditetapkan.

Hasil pemeriksaan, Bahagian Penguatkuasaan Majlis Daerah Bachok telah mengeluarkan dua kompaun terhadap premis yang didapa-

ti menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Majlis Daerah Bachok (Pindaan) 2025.

Selain tindakan kompaun, sebanyak 1,095 kotak rokok elektronik, perasa, vape dan kartrij turut disita sebagai barang kes bagi tindakan lanjut mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

Pihak Majlis juga menegaskan bahawa operasi penguatkuasaan seumpama itu akan dilaksanakan secara berkala dan berterusan bagi memastikan tiada pihak melanggar larangan perniagaan vape yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri.

“Operasi seperti ini bagi memastikan tiada pelanggaran peraturan serta demi memelihara kesejahteraan dan kesihatan masyarakat, khususnya generasi muda,” tegasnya.

Penggunaan nama Kelantan bagi program swasta **wajib** dapat kebenaran kerajaan negeri



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA DARULNAIM, 5 Ogos — Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan semua program yang dianjurkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau pihak swasta yang menggunakan nama “Kelantan” wajib mendapatkan kebenaran kerajaan negeri terlebih dahulu bagi memastikan imej, reputasi dan kepentingan negeri terus terpelihara.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, ketetapan itu dipersetujui dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai garis panduan baharu bagi memperkemarkan penggunaan nama Kelantan dalam penganjuran pelbagai program dan acara.

Menurutnya, setiap permohonan akan dinilai secara menyeluruh berdasarkan kesesuaian program,

kandungan pengisian serta keupayaan penganjur sebelum sebarang kelulusan diberikan.

“Kerajaan Negeri bersetuju bahawa selepas ini sebarang program yang dianjurkan oleh NGO ataupun pihak swasta yang menggunakan nama Kelantan perlu mendapat kebenaran kerajaan negeri terlebih dahulu.

“Setiap permohonan akan diteliti termasuk bentuk program, pengisian serta keupayaan penganjur supaya penggunaan nama Kelantan benar-benar bersesuaian dan tidak menjejaskan imej negeri,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Kerajaan Negeri di Mabna Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau memaklumkan, keputusan itu dibuat susulan isu penganjuran Kelantan International Marathon yang tular di media sosial selepas terdapat peserta mem-

buat pendaftaran sebelum program berkenaan dibatalkan.

Tegasnya, program tersebut dianjurkan oleh pihak swasta dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

“Program tersebut tidak ada kena-mengena dengan Kerajaan Negeri Kelantan,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata penganjur program berkenaan pernah mengadakan pertemuan dengannya beberapa bulan lalu bagi membincangkan cadangan menggunakan nama Kelantan untuk acara tersebut.

Bagaimanapun, selepas meneliti latar belakang serta pengalaman penganjur, beliau telah menasihatkan supaya program itu dianjurkan pada skala lebih kecil terlebih dahulu sebelum dikembangkan pada masa hadapan.

Menurutnya lagi, penganjur bagaimanapun meneruskan perancangan tersebut sehingga akhirnya timbul pelbagai isu yang mendapat perhatian masyarakat.

Beliau menjelaskan, syarat mendapatkan kebenaran kerajaan negeri akan terpakai kepada semua program yang menggunakan nama Kelantan termasuk program yang dianjurkan di luar negeri.

Jelasnya, permohonan boleh dikemukakan kepada Exco yang berkaitan mengikut bidang masing-masing untuk dinilai sebelum sebarang kelulusan diberikan.

“Langkah ini bukan bertujuan menyekat penganjuran program oleh NGO atau pihak swasta, sebaliknya memastikan penggunaan nama Kelantan dibuat secara bertanggungjawab, berintegriti dan tidak menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan program rasmi Kerajaan Negeri, KBF Marathon, akan diteruskan mengikut jadual pada 5 September.

Menurutnya, segala persiapan penganjuran sedang berjalan lancar dan program itu diyakini dapat dilaksanakan dengan sempurna.

YB Mohd Adanan santuni dua atlet Bola Tampar Pantai SUKMA Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 2 Ogos — Ahli Dewan Negeri (ADN) Kelaboran YB Mohd Adanan Hassan menyantuni dua anak mukim DUN Kelaboran yang bakal mewakili Kelantan pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) dengan menyampaikan sumbangan sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada mereka pada 28 Julai lalu.

Dua atlet berkenaan, Muhammad Shahrin Zulkifli dan Tuan Ahmad Aba Khair Tuan Soh bakal menggalas cabaran Kelantan dalam acara Bola Tampar Pantai (Beregu) pada temasya SUKMA akan datang.

YB Mohd Adanan berkata, sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada usaha mem-



berikan sokongan moral kepada atlet muda yang berusaha mengharumkan nama negeri dalam bidang sukan.

Menurutnya, bantuan berkenaan diharap dapat membantu sedikit sebanyak urusan persiapan kedua-dua atlet sepanjang menghadapi kejohanan selain menjadi suntikan semangat untuk mereka memberikan aksi terbaik.

“Semoga sumbangan ini dapat

sedikit sebanyak membantu urusan persiapan mereka sepanjang menghadapi kejohanan. Seluruh warga DUN Kelaboran mendoakan agar kedua-dua atlet ini diberikan kesihatan, dipermudahkan segala urusan dan seterusnya mengharumkan nama Kelantan di pentas SUKMA,” katanya di laman rasmi pada 28 Julai.

Beliau turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada Muham-



mad Shahrin dan Tuan Ahmad Aba Khair atas kejayaan terpilih mewakili Kelantan, selain berharap mereka terus membawa semangat juang tinggi ketika beraksi di pentas SUKMA.

“Saya berharap kedua-dua atlet dapat melakukan yang terbaik demi negeri Kelantan. Bawalah semangat juang yang tinggi dan berikan persembahan terbaik dalam setiap perlawanan,” ujarnya.

Kelantan sasar 16 emas, 34 pingat di SUKMA Selangor 2026

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 3 Ogos – Kontinjen Kelantan menyasarkan kutipan 34 pingat termasuk 16 pingat emas, tujuh pingat perak dan 11 pingat gangsa pada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026 yang akan berlangsung bermula 15 hingga 24 Ogos ini.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, kerajaan negeri sentiasa menghargai pengorbanan atlet yang membawa nama Kelantan di pentas kebangsaan dan bersetuju meningkatkan kadar insentif kemenangan kepada semua atlet yang berjaya meraih pingat pada SUKMA Selangor 2026.

Beliau berkata, penghargaan tersebut diharap menjadi suntikan motivasi kepada atlet untuk memberikan persembahan terbaik sekali gus merealisasikan sasaran pingat yang ditetapkan.

"Saudara dan saudari merupakan anak-anak Kelantan yang dipilih untuk menggalas amanah besar membawa maruah negeri di pentas kebangsaan.

"Pamerkanlah semangat juang yang tinggi, disiplin yang terpuji dan akhlak yang mulia kerana saudara bukan sahaja mewakili kontinjen, bahkan menjadi wajah Negeri Kelantan di mata seluruh negara," katanya ketika merasmikan Majlis Solat Hajat dan Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negeri Kelan-



tan ke SUKMA XXII Selangor dan Para SUKMA Selangor 2026 di Kelantan Trade Centre (KTC), di sini, hari ini.

Beliau turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri komited memperkukuh pembangunan sukan sebagai persediaan menghadapi SUKMA dan Para SUKMA Kelantan 2028 menerusi pembangunan infrastruktur, kemudahan latihan serta penyelarasan pelbagai aspek penganjuran.

"Hampir 70 peratus atlet yang mewakili Kelantan pada temasya kali ini masih layak beraksi pada SUKMA 2028. Ini merupakan satu kelebihan yang amat besar kepada Negeri Kelantan kerana memiliki barisan atlet pelapis yang berkualiti, berpotensi dan masih mempunyai ruang yang luas untuk terus diperkasa" ujarinya.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat selaku Ketua Kontinjen Negeri Kelantan YB Zamakhshari

Muhamad berkata, kontinjen Kelantan akan menyertai 35 daripada 37 jenis sukan yang dipertandingkan dengan menghantar 751 anggota kontinjen, terdiri daripada 582 atlet dan 169 pegawai, sekali gus menjadi penyertaan terbesar negeri dalam sejarah penyertaan di SUKMA.

Beliau berkata, temasya SUKMA Selangor 2026 akan berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos, namun beberapa acara akan bermula lebih awal iaitu pada 13 Ogos, menyebabkan sebahagian atlet dan pegawai berlepas lebih awal bagi membuat persiapan terakhir serta menyesuaikan diri dengan venue pertandingan.

Menurutnya, sasaran 16 emas tujuh perak dan 11 gangsa ditetapkan secara realistik berdasarkan prestasi semasa atlet, hasil analisis pihak pengurusan kontinjen serta persatuan sukan negeri.

"Berdasarkan prestasi dan semangat yang ditunjukkan oleh se-

“

Hampir 70 peratus atlet yang mewakili Kelantan pada temasya kali ini masih layak beraksi pada SUKMA 2028. Ini merupakan satu kelebihan yang amat besar kepada Negeri Kelantan kerana memiliki barisan atlet pelapis yang berkualiti, berpotensi dan masih mempunyai ruang yang luas untuk terus diperkasa.”

tiap atlet sepanjang tempoh latihan, insya Allah kita mampu mencapai sasaran yang telah ditetapkan,” jelasnya.

Beliau turut memaklumkan Kontinjen Para SUKMA Kelantan akan menghantar 93 anggota, terdiri daripada 62 atlet dan 31 pegawai, bagi menyertai lapan daripada 10 jenis sukan yang dipertandingkan.

Katanya, Kontinjen Para SUKMA Kelantan menyasarkan kutipan 50 pingat, terdiri daripada 23 pingat emas, 19 pingat perak dan 17 pingat gangsa, berdasarkan prestasi semasa atlet, potensi acara yang disertai serta persiapan rapi sepanjang tempoh latihan.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyerahan bendera kontinjen oleh Menteri Besar Kelantan kepada Ketua Kontinjen Negeri Kelantan sebagai simbolik pelepasan rasmi atlet ke Temasya SUKMA XXII Selangor 2026 dan Para SUKMA Selangor 2026.



KEBERKATAN

Mesyuarat penyelarasan perkemas persiapan akhir kontinjen Kelantan ke SUKMA XXII Selangor 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 3 Ogos – Mesyuarat Penyelarasan Kontinjen Kelantan ke Sukan Malaysia (SUKMA XXII) Selangor 2026 menjadi medan penting bagi menyelaraskan persiapan akhir kontinjen Kelantan menjelang temasya itu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad

berkata, mesyuarat berkenaan turut memberi tumpuan kepada usaha memastikan kebajikan atlet serta keperluan setiap acara sukan berada pada tahap terbaik.

Katanya, komitmen semua pihak amat penting dalam memastikan kontinjen Kelantan membuat persiapan rapi sebelum beraksi pada SUKMA XXII Selangor 2026.



“Insya Allah, dengan perancangan yang rapi dan semangat yang tinggi, kontinjen Kelantan sedia menggalas cabaran serta berusaha membawa pulang kejayaan buat bumi Kelantan di Selangor nanti.”

Beliau berkata demikian menerusi media sosial selepas mempengerusikan Mesyuarat Penyelarasan Kontinjen SUKMA

XXII Selangor 2026 di Kompleks Kota Darulnaim, di sini, pada Ahad.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSN) serta seluruh barisan pengurus pasukan daripada pelbagai acara sukan yang hadir bagi menjayakan mesyuarat berkenaan.

Sementara itu, hari ini diadakan



majlis solat hajat dan penyerahan bendera kepada kontinjen Negeri Kelantan ke SUKMA XXII Selangor dan para SUKMA Selangor di Dewan Kelantan Trade Center (KTC), Kota Bharu.

Majlis bakal disempurnakan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud pada pukul 9.00 pagi ini.

Kebajikan atlet jadi keutamaan, buru kejayaan SUKMA 2026 – YB Zamakhshari



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 3 Ogos – Kebajikan atlet Negeri Kelantan terus menjadi keutamaan dalam memastikan barisan atlet yang bakal membawa cabaran negeri pada Temasya SUKMA XXII Selangor 2026 berada pada tahap persediaan terbaik bagi memburu kejayaan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat merangkap Ketua Kontinjen Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad berkata, pelbagai inisiatif dan manfaat telah disediakan kepada atlet sebagai galakan untuk mereka terus cemerlang dalam bidang sukan dan akademik.

Menurutnya, selain persediaan dari aspek latihan dan pertandingan, kebajikan atlet turut diberi perhatian menerusi penyediaan elaun bulanan, peruntukan penyertaan ke kejohanan dalam dan luar negara, ban-

tuhan peralatan sukan serta makanan tambahan bagi menyokong keperluan latihan dan prestasi atlet.

“Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Sukan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam memastikan kebajikan atlet diberi perhatian kerana mereka merupakan aset penting negeri dalam bidang sukan.

“Segala kemudahan dan manfaat yang disediakan ini diharap menjadi pembakar semangat kepada atlet-atlet Negeri Kelantan untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan bukan sahaja dalam sukan, malah akademik dan pembentukan sahsiah diri,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Solat Hajat dan Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negeri Kelantan ke Temasya SUKMA XXII Selangor 2026 dan Para SUKMA Selangor 2026 di Kelantan Trade Center (KTC), Kota Bharu hari ini.



YB Zamakhshari berkata, aspek pendidikan atlet turut diberikan perhatian apabila atlet berpotensi dibantu mendapatkan peluang melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), selain menerima insentif kecemerlangan akademik bagi mereka yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM.

“Terbaharu, Majlis Sukan Negeri Kelantan sedang menyelaraskan pinjaman dan biasiswa bagi atlet yang melanjutkan pelajaran ke IPTA bersama Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) bagi membantu mereka meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi,” katanya.

Tambahnya, kebajikan atlet turut dipelihara melalui pelbagai bentuk bantuan seperti sumbangan bencana alam, sumbangan kemalangan, sumbangan perkahwinan serta khairat kematian.

Katanya lagi, pendekatan itu

membuktikan kerajaan negeri bukan sahaja memberi perhatian kepada prestasi atlet di gelanggang, malah turut mengambil berat kebajikan mereka sepanjang bergelar atlet.

“Sesungguhnya kejayaan atlet adalah kejayaan Negeri Kelantan. Saya berharap segala kemudahan dan sokongan yang diberikan dapat menjadi suntikan semangat kepada atlet untuk berjuang dengan penuh keyakinan serta mengharumkan nama negeri di pentas SUKMA dan Para SUKMA Selangor 2026,” ujarnya.

Pada Temasya SUKMA XXII Selangor 2026, Kontinjen Negeri Kelantan akan menghantar seramai 751 anggota yang terdiri daripada 582 atlet dan 169 pegawai serta mengambil bahagian dalam 35 daripada 37 jenis sukan dipertandingkan.

Kontinjen Kelantan menyasarkan kutipan 36 pingat terdiri daripada 16 pingat emas, tujuh pingat perak dan 11 pingat gangsa pada temasya berkenaan.

Bagi Para SUKMA Selangor 2026 pula, Kelantan akan menghantar seramai 93 anggota kontinjen melibatkan 62 atlet dan 31 pegawai dengan sasaran kutipan 50 pingat iaitu 23 emas, 19 perak dan 17 gangsa.



Kelantan sasar 16 emas, 34 pingat di SUKMA Selangor 2026

Kelantan naikkan insentif pemenang pingat SUKMA Selangor 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 4 Ogos - Kerajaan Negeri Kelantan melalui Majlis Sukan Negeri (MSN) bersetuju menaikkan kadar insentif kepada atlet yang memenangi pingat pada Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata, bagi kategori individu, insentif pingat emas dinaikkan daripada RM2,500 kepada RM6,000, manakala pingat perak meningkat daripada RM2,000 kepada RM3,000 dan gangsa daripada RM1,500 kepada RM2,000.

Beliau yang juga Ketua Kontinjen Kelantan ke SUKMA Selangor 2026 mengumumkan keputusan itu sebagai tanda penghargaan kepada atlet yang berjaya mengharumkan nama negeri.

“Walaupun kita ada kekangan kewangan tapi kita perlu meraikan atlet-atlet kita bagi memberi motivasi supaya mereka membuat yang terbaik. Jadi kita telah bersetuju untuk menaikkan kadar insentif kemenangan.”

Beliau berkata demikian dalam rancangan FOKUS terbitan Urus



Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) yang disiarkan secara langsung dari Studio UPKN, di sini, hari ini.

Mengulas mengenai pemilihan atlet ke SUKMA, YB Zamakhshari berkata, bermula tahun lepas, proses pemilihan dilaksanakan menerusi temasya Sukan Kelantan (SUKEL) yang terbuka kepada semua atlet.

Katanya, SUKEL menjadi antara platform untuk menilai prestasi atlet melalui pertandingan yang dipertandingkan sebelum pemilihan dibuat.

“Dalam SUKEL itu sendiri sudah ada pertandingan dan ada pingat yang dipertandingkan. Jadi di situlah kita buat penilaian yang sewajarnya,” jelasnya.

Menurutnya, SUKEL dianjurkan

secara dwitahunan di antara pengajuran SUKMA dan diuruskan oleh Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSN).

Dalam pada itu, beliau mengingatkan atlet yang bakal mewakili Kelantan supaya memberikan aksi terbaik kerana mereka membawa nama dan maruah negeri.

“Kepada adik-adik atlet yang akan mewakili Kelantan ke SUKMA XXII di Selangor, anda semua bukan mewakili diri sendiri. Anda semua masuk ke SUKMA membawa bendera Kelantan, maknanya mewakili jutaan rakyat Kelantan, mewakili seluruh penduduk Kelantan yang ingin melihat kejayaan kita.

“Jadi, sebagai atlet buatlah yang terbaik. Demi Kelantan kita lawe,”

katanya.

Pada SUKMA Selangor 2026, kontinjen Kelantan menyasarkan kutipan 34 pingat keseluruhan iaitu 16 emas, tujuh perak dan 11 gangsa, selain menyasarkan kedudukan ke-11 daripada 15 kontinjen yang bertanding.

Edisi kali ini turut menyaksikan penyertaan kontinjen terbesar dalam sejarah Kelantan dengan kekuatan 751 anggota kontinjen yang akan mengambil bahagian dalam 35 daripada 37 jenis sukan yang dipertandingkan.

Penyertaan itu turut melibatkan atlet pelapis termuda berusia 12 tahun dalam sukan pelayaran dan catur sebagai persediaan awal menghadapi SUKMA XXIII Kelantan 2028.

Atlet cemerlang terima elaun RM400 menerusi Program Imtiaz



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 4 Ogos – Atlet cemerlang yang pernah memenangi pingat emas dalam temasya SUKMA sebelum ini ditawarkan menyertai Program Imtiaz yang menyediakan elaun latihan RM400 sebulan sepanjang tempoh latihan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad berkata Program Imtiaz bermula pada Januari 2025 sebagai antara inisiatif kerajaan negeri dalam membantu atlet yang menunjukkan prestasi cemerlang.

“Atlet-atlet cemerlang yang pernah meraih pingat emas dalam temasya sebelum ini, kita ada satu program khusus yang dijenamakan sebagai Program Imtiaz.

“Melalui program ini, 12 atlet mendapat elaun latihan sebanyak RM400 setiap bulan sepanjang setahun latihan tersebut,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, pembayaran elaun di bawah Program Imtiaz diteruskan sepanjang atlet berkenaan masih mempunyai kedudukan pingat di peringkat kebangsaan.

Selain Program Imtiaz, katanya, kerajaan negeri turut melaksanakan Program Pelapis yang menawarkan elaun RM300 sebulan kepada atlet yang memenangi pingat di peringkat kebangsaan.

“Pembayaran elaun di bawah Program Pelapis ini diteruskan sepanjang 18 atlet berkenaan masih mempunyai kedudukan di peringkat kebangsaan,” jelasnya.

Pada masa sama, beliau mengakui inisiatif yang disediakan

mungkin tidak sehebat negeri lain, namun ia membuktikan komitmen kerajaan negeri untuk terus membantu pembangunan atlet.

“Mungkin berbanding dengan negeri lain tidaklah sehebat negeri lain, tetapi sekurang-kurangnya ada juga usaha yang kita lakukan,” katanya.

